

# ASNBNB

## Laporan Tahunan

Bagi tahun kewangan berakhir  
31 Disember 2024



**ASN Equity Global**





## ISI KANDUNGAN

<b>1. MAKLUMAT TABUNG</b>	<b>1</b>
<b>2. PRESTASI TABUNG</b>	<b>3</b>
<b>3. LAPORAN PENGURUS</b>	<b>7</b>
<b>4. PENYATA PENGURUS</b>	<b>12</b>
<b>5. LAPORAN PEMEGANG AMANAH</b>	<b>13</b>
<b>6. LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG UNIT ASN EQUITY GLOBAL</b>	<b>14</b>
<b>7. PENYATA KEWANGAN</b>	<b>17</b>
7.1 Penyata Untung Atau Rugi Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2024	17
7.2 Penyata Pendapatan Komprehensif Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2024	18
7.3 Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2024	19
7.4 Penyata Perubahan Dalam Ekuiti Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2024	20
7.5 Penyata Aliran Tunai Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2024	21
7.6 Nota-Nota Berkenaan Penyata Kewangan – 31 Disember 2024	22
<b>8. ALAMAT CAWANGAN ASNB</b>	<b>45</b>
<b>9. MAKLUMAT KORPORAT</b>	<b>47</b>

LAPORAN PENGURUS  
ASN EQUITY GLOBAL



ASN Equity Global

Pemegang-pemegang unit ASN Equity Global yang dihormati,

AmanahRaya Trustees Berhad (ART) selaku Pemegang Amanah dan Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) selaku Pengurus ASN Equity Global dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan ASN Equity Global bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024.

## 1. MAKLUMAT TABUNG

### 1.1 KATEGORI / JENIS TABUNG

Nama Tabung	Kategori	Jenis Tabung
ASN Equity Global	Ekuiti	Pertumbuhan

### 1.2 OBJEKTIF PELABURAN TABUNG

Objektif pelaburan ASN Equity Global adalah untuk memberi peluang pertumbuhan modal kepada pemegang-pemegang unit melalui pelaburan dalam sekuriti terutamanya di pasaran ekuiti global.

### 1.3 PENANDA ARAS TABUNG

ASN Equity Global menggunakan penanda aras cipta-suai yang menggabungkan Indeks MSCI ACWI Islamic dan Kadar Deposit Tetap Tetap Maybank 1 bulan (Maybank 1 bulan) bagi tujuan perbandingan prestasinya, seperti berikut:

Kombinasi Penanda Aras Cipta-Suai	%
MSCI ACWI Islamic Sumber: <a href="http://www.msci.com">www.msci.com</a>	90
Maybank 1 bulan Sumber: <a href="http://www.maybank2u.com.my">www.maybank2u.com.my</a>	10

*"Source: MSCI. The MSCI information may only be used for your internal use, may not be reproduced or disseminated in any form and may not be used as a basis for or a component of any financial instruments or products or indices. None of the MSCI information is intended to constitute investment advice or a recommendation to make (or refrain from making) any kind of investment decision and may not be relied on as such. Historical data and analysis should not be taken as an indication or guarantee of any future performance analysis, forecast or prediction. The MSCI information is provided on an "as is" basis and the user of this information assumes the entire risk of any use made of this information. MSCI, each of its affiliates and each other person involved in or related to compiling, computing or creating any MSCI information (collectively, the "MSCI Parties") expressly disclaims all*

warranties (including, without limitation, any warranties of originality, accuracy, completeness, timeliness, non-infringement, merchantability and fitness for a particular purpose) with respect to this information. Without limiting any of the foregoing, in no event shall any MSCI Party have any liability for any direct, indirect, special, incidental, punitive, consequential (including, without limitation, lost profits) or any other damages. (www.msci.com)".

#### **1.4 POLISI PENGAGIHAN PENDAPATAN**

Pengagihan pendapatan bagi ASN Equity Global adalah secara sampingan (*incidental*) dan tertakluk kepada ketersediaan pendapatan pada akhir tahun kewangan, selepas ditolak perbelanjaan dan cukai (jika berkenaan) tertakluk kepada budi bicara pihak pengurusan dan kelulusan daripada pemegang amanah.

## 2. PRESTASI TABUNG

### 2.1 PERUMPUKAN ASET

Perumpukan Aset Bagi ASN Equity Global Mengikut Sektor pada Nilai Pasaran Berdasarkan Nilai Aset Bersih (NAB) Tabung:

Sektor	Pada Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember (%)		
	2024	2023	2022
<b>Pelaburan di Pasaran Ekuiti:</b>			
Perkhidmatan Komunikasi	6.09	4.94	7.30
Barangan Bukan Asasi Pengguna	11.88	8.68	7.25
Barangan Asasi Pengguna	7.51	3.28	13.84
Tenaga	-	7.29	3.17
Kewangan	6.89	2.25	-
Penjagaan Kesihatan	4.68	5.33	12.26
Perindustrian	8.04	1.28	6.43
Teknologi Maklumat	29.85	38.69	15.18
Bahan Asas	1.63	2.45	-
Utiliti	-	0.29	2.32
Hartanah	-	-	2.55
<b>Jumlah</b>	<b>76.57</b>	<b>74.48</b>	<b>70.30</b>
<b>Lain-lain Pelaburan di Pasaran Modal:</b>			
a) Pelaburan di dalam Unit Amanah dan Dana Didagangkan Bursa (ETF)	12.00	22.06	19.74
b) Lain-lain Pelaburan di Pasaran Modal	11.43	3.46	9.96
<b>Jumlah</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>

## 2.2 MAKLUMAT KEWANGAN

Prestasi Maklumat Kewangan:

	Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember		
	2024	2023	2022 <sup>1</sup>
<b>Sebelum Pengagihan Pendapatan</b>			
NAB (RM'000)	594,839	674,758	789,634
NAB Seunit (RM)	1.0939	0.9845	0.8279
<b>Selepas Pengagihan Pendapatan</b>			
Kadar Pengagihan Pendapatan (sen seunit)	-	-	-
NAB (RM'000)	594,839	674,758	789,634
NAB Seunit (RM)	1.0939	0.9845	0.8279
NAB Seunit Terendah (RM)	0.9681	0.8278	0.8144
NAB Seunit Tertinggi (RM)	1.2100	0.9952	1.0477
Unit Dalam Edaran ('000)	543,800	685,400	953,800
Tarikh Pengagihan Pendapatan	-	-	-
Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (%) <sup>2</sup>	2.15	1.88	1.24
Nisbah Pusing Ganti Portfolio (kali) <sup>3</sup>	5.22	3.40	2.36
<b>Pulangan</b>			
Pulangan Pendapatan (%) <sup>4</sup>	-	-	-
Pulangan Modal (%) <sup>5</sup>	11.11	18.92	-17.21
Jumlah Pulangan (%) <sup>6</sup>	11.11	18.92	-17.21

Nota:

1. Tempoh kewangan dari tarikh pelancaran 1 September 2021 sehingga 31 Disember 2022.
2. Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (NPP) adalah nisbah di antara jumlah bayaran pengurusan dan perbelanjaan ASN Equity Global yang dikembalikan dengan purata NAB pada kos ASN Equity Global untuk tahun kewangan dikira berpandukan asas harian. Perubahan antara NPP bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024 berbanding dengan tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023 adalah ketara kesan daripada peningkatan aktiviti jual beli di pasaran saham antarabangsa ekoran pengukuhan pasaran saham Amerika Syarikat.
3. Nisbah Pusing Ganti Portfolio (NPGP) adalah nisbah purata bagi jumlah kos pembelian dan penjualan pelaburan dalam tahun kewangan dengan purata NAB pada kos ASN Equity Global untuk tahun kewangan dikira berpandukan asas harian. Perubahan antara NPGP bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024 berbanding dengan tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023 adalah ketara disebabkan oleh jualan pegangan saham pasaran negara membangun kepada pembelian pasaran saham Amerika Syarikat.
4. Pulangan Pendapatan (%):  $\left[ \frac{\text{Pengagihan Pendapatan Seunit}}{\text{NAB Seunit Selepas Pengagihan Pendapatan}} \right] \times 100$
5. Pulangan Modal (%):  $\left[ \left( \frac{\text{NAB Seunit Selepas Pengagihan Pendapatan}}{\text{NAB Seunit Awal Tahun Kewangan}} \right) - 1 \right] \times 100$
6. Jumlah Pulangan (%):  $\left[ \left( 1 + \frac{\text{Pulangan Modal}}{100} \right) \times \left( 1 + \frac{\text{Pulangan Pendapatan}}{100} \right) - 1 \right] \times 100$

## 2.3 PENGAGIHAN PENDAPATAN

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024, ASN Equity Global tidak memperuntukkan pembayaran pengagihan pendapatan.

## 2.4 JUMLAH PULANGAN TAHUNAN

Pulangan tahunan bagi ASN Equity Global adalah seperti berikut:

	31 Disember 2024		
	1 tahun	3 tahun	Sejak Penubuhannya <sup>1</sup>
Pulangan Tahunan (%)	11.11	2.42	2.73
Penanda Aras (%) <sup>2</sup>	0.53	2.01	2.32

Sumber: Novagni Analytics and Advisory Sdn. Bhd.

**Nota:**

- Pengiraan bagi Jumlah Pulangan bermula dari 1 September 2021 (tarikh dilancarkan) sehingga 31 Disember 2024. Pengiraan pulangan tahunan (annualized return) adalah seperti berikut:-  
$$= \left[ \frac{[(1 + r_1) \times (1 + r_2) \times \dots \times (1 + r_n)]^{\frac{1}{n}} - 1 \right] \times 100$$
  
Di mana,  $r$  = pulangan tahunan;  $n$  = bilangan tahun.
- Pengiraan penanda aras adalah berdasarkan kombinasi penanda aras yang baru dan lama, di mana, bermula 1 April 2023, penanda aras Tabung ialah 90% MSCI ACWI Islamic dan 10% Kadar Deposit Tetap Maybank 1 bulan, manakala bagi tempoh sebelum 1 April 2023, penanda aras Tabung ialah 90% MSCI ACWI dan 10% Kadar Deposit Tetap Maybank 1 bulan.

## 2.5 PERBANDINGAN PRESTASI TABUNG DENGAN PENANDA ARAS

Prestasi bagi ASN Equity Global berbanding penanda aras cipta-suai adalah seperti berikut:


	Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember		
	2024	2023	2022
Jumlah Pulangan (%)	11.11	18.92	-17.21 <sup>1</sup>
Penanda Aras (%) <sup>2</sup>	0.53	22.04	-12.02

Sumber: Novagni Analytics and Advisory Sdn. Bhd.

**Nota:**

- Pengiraan bagi Jumlah Pulangan bermula dari 1 September 2021 (tarikh dilancarkan) sehingga 31 Disember 2022.
- Pengiraan penanda aras adalah berdasarkan kombinasi penanda aras yang baru dan lama, di mana, bermula 1 April 2023, penanda aras Tabung ialah 90% MSCI ACWI Islamic dan 10% Kadar Deposit Tetap Maybank 1 bulan, manakala bagi tempoh sebelum 1 April 2023, penanda aras Tabung ialah 90% MSCI ACWI dan 10% Kadar Deposit Tetap Maybank 1 bulan.





Sumber: Novagni Analytics and Advisory Sdn. Bhd.

Sila ambil perhatian bahawa Pengurus tidak menjamin pulangan pelaburan. Pengagihan pendapatan dan harga unit jika dibayar mungkin turun atau naik. Prestasi Tabung masa lalu tidak semestinya mencerminkan prestasi masa hadapan.

## 2.6 ANALISIS NILAI ASET BERSIH (NAB) TABUNG

ASN Equity Global telah mencatatkan penurunan NAB sebanyak 11.85% daripada RM0.675 bilion kepada RM0.595 bilion bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024. NAB seunit pula mencatatkan peningkatan sebanyak 11.11% daripada RM0.9845 kepada RM1.0939 bagi tempoh yang sama.

## 2.7 PERUBAHAN SIGNIFIKAN TABUNG

Sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024, terdapat perubahan signifikan terhadap polisi pengagihan bagi ASN Equity Global yang telah membenarkan pengagihan dalam bentuk modal, tertakluk kepada budi bicara Pengurus dan kelulusan daripada Pemegang Amanah, yang telah berkuat kuasa pada 1 Februari 2024.

## 2.8 SITUASI YANG MENJEJASKAN KEPENTINGAN PEMEGANG UNIT

ASNB dan ASN Equity Global tidak mengalami situasi-situasi yang boleh menjejaskan kepentingan pemegang unit.

## 2.9 DAGANGAN SILANG

Sepanjang tempoh tinjauan, transaksi dagangan silang dijalankan bagi ASN Equity Global. Transaksi tersebut dijalankan tertakluk kepada Garis Panduan bagi Fungsi Pematuhan kepada Institusi Pengurusan Dana "Guidelines on Compliance Function for Fund Management Companies". Pengurus Pelaburan perlu mendapatkan kelulusan Jawatankuasa Pelaburan sebelum melakukan transaksi dagangan silang dan menyimpan rekod transaksi serta memaklumkan kepada Jawatankuasa Pelaburan selepas pelaksanaan transaksi tersebut.

## 2.10 KOMISEN RINGAN

ASNB dan Pengurus Pelaburan tabung unit amanahnya tidak menerima komisen ringan daripada broker dan/atau wakil urusniaga yang dikendalikan untuk unit amanah.

### 3. LAPORAN PENGURUS

#### 3.1 PENCAPAIAN OBJEKTIF

ASN Equity Global ("Tabung") telah berupaya mencapai objektif pelaburannya dalam menjana pulangan jangka panjang yang kompetitif kepada pemegang-pemegang unit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024.

#### 3.2 POLISI PELABURAN

Polisi pelaburan Tabung adalah untuk melabur dalam portfolio pelaburan yang dipelbagaikan, terutamanya dalam sekuriti dan saham yang disenaraikan di pasaran antarabangsa yang diiktiraf, instrumen pasaran wang serta lain-lain instrumen pasaran modal, termasuk sekuriti berpendapatan tetap, seperti yang dibenarkan dalam Surat Ikatan Tabung.

#### 3.3 STRATEGI PELABURAN SEPANJANG TAHUN

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024, Tabung telah melaksanakan perumpukan aset yang aktif dalam pelaburan. Ini dilaksanakan setelah mengambil kira faktor-faktor ekonomi global dan ekonomi tempatan, kadar pulangan pasaran saham serta kadar pulangan bagi instrumen pasaran wang bagi memastikan objektif Tabung tercapai.

Purata perumpukan aset ekuiti adalah pada kadar 85%-99% berbanding penanda aras 90% ekuiti : 10% tunai. Purata perumpukan aset ini telah dilakukan selaras dengan keadaan pasaran saham yang lebih seimbang, yang dipacu oleh situasi ekonomi makro sedunia yang terus berkembang dengan lebih baik dari unjuran awal, didorong oleh keutuhan ekonomi Amerika Syarikat.

##### i. Ekuiti

Sentimen para pelabur berubah menjadi lebih positif terhadap pasaran ekuiti antarabangsa ekoran kemelesatan ekonomi dunia yang dijangka sebelum ini tidak berlaku, disebabkan oleh prestasi luar jangka ekonomi Amerika Syarikat. Pasaran saham antarabangsa turut meraikan pematangan kadar faedah oleh Lembaga Rizab Persekutuan Amerika Syarikat ("Federal Reserve Board"). Oleh itu, pelaburan ekuiti dibuat dengan lebih agresif dalam sektor yang dijangka terus mencatat pertumbuhan keuntungan yang baik, seperti sektor Teknologi Maklumat, sektor Perkhidmatan Komunikasi, serta sektor Perindustrian dan sektor Utiliti dalam sembilan bulan pertama.

Sektor Teknologi Maklumat terus menerima suntikan sentimen positif berikutan kemajuan dalam industri Kecerdasan Buatan ("Artificial Intelligence, AI") yang kini beralih kepada fasa pembinaan infrastruktur oleh penyedia khidmat pengkomputeran awan ("Cloud Service Providers"). Pembinaan infrastruktur untuk menyediakan perkhidmatan AI ini telah mendorong kepada peningkatan permintaan terhadap produk semikonduktor yang berkapasiti tinggi. Selain penyediaan perkhidmatan AI, syarikat-syarikat perkhidmatan komunikasi dan e-dagang yang mempunyai lebihan kakitangan semasa pandemik telah mengambil langkah drastik untuk mengurangkan jumlah tenaga kerja dan mengubah sistem operasi bagi meningkatkan kecekapan. Usaha-usaha ini telah menghasilkan peningkatan dalam margin keuntungan untuk syarikat-syarikat ini.

Penyediaan perkhidmatan AI juga memerlukan sumber tenaga elektrik yang sangat tinggi ekoran penggunaan tenaga yang diperlukan oleh pusat-pusat data di seluruh dunia bagi aktiviti memproses data. Ekoran itu, jaringan tenaga elektrik sedia ada perlu ditambah baik

seiring dengan peningkatan permintaan oleh pusat data serta keperluan lain seperti kenderaan elektrik. Situasi ini telah memberi manfaat terhadap permintaan dalam perkakasan berkaitan jaringan tenaga seterusnya memberi manfaat terhadap syarikat utiliti yang membekalkan tenaga elektrik.

Pelaburan Tabung dalam sembilan bulan pertama adalah lebih seimbang di antara beberapa pasaran walaupun Tabung lebih tertumpu kepada pelaburan dalam negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah ("European Union, EU") dan Jepun berbanding dengan negara-negara membangun, ekoran cabaran ekonomi di China. Di samping itu, Tabung turut melakukan perumpukan pasaran yang pelbagai dengan mencari peluang pelaburan di Korea Selatan dan Taiwan, khususnya dalam syarikat-syarikat yang terlibat dalam keseluruhan rantaian bekalan produk semikonduktor berkapasiti tinggi.

Menjelang suku keempat tahun kewangan, strategi pelaburan ekuiti Tabung diselaraskan dengan sentimen pilihan raya presiden Amerika Syarikat, yang menyaksikan pemilihan Donald Trump sebagai presiden Amerika Syarikat yang ke-47. Corak pelaburan pada suku keempat tahun kewangan banyak tertumpu kepada pasaran Amerika Syarikat, serta syarikat-syarikat yang dijangka mendapat manfaat daripada polisi "Make America Great Again" yang disarankan oleh Presiden Donald Trump.

Selain itu, pelaburan dalam pasaran EU, serta negara-negara membangun seperti Korea Selatan dan Taiwan turut dikurangkan disebabkan oleh kemungkinan perang dagangan yang akan berlaku ekoran polisi tarif dagangan oleh Donald Trump, serta penyusutan nilai dalam mata wang Euro dan mata wang negara-negara membangun seperti Won Korea.

## ii. Instrumen Pasaran Wang

Pelaburan Tabung juga dibuat dalam pasaran wang bagi membolehkan Tabung memiliki kecairan yang mencukupi bagi memasuki pasaran saham antarabangsa pada masa yang bersesuaian, seiring dengan perumpukan aset aktif.

## 3.4 ULASAN EKONOMI DAN PASARAN SAHAM

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024, pasaran saham utama dunia telah mencatatkan prestasi yang memberangsangkan, didorong oleh pasaran buruh yang kekal kukuh dan kemunculan perkhidmatan AI yang telah menarik perhatian pelabur terutamanya terhadap sektor Teknologi Maklumat.

Pasaran saham antarabangsa mempamerkan prestasi yang positif, dengan indeks komposit utama antarabangsa seperti MSCI All Country World Islamic Index ("MSCI ACWI Islamic") telah mencatatkan kenaikan sebanyak +3.0%, namun, jika prestasi ini dikira melalui nilai tukaran mata wang Ringgit Malaysia, prestasi MSCI ACWI Islamic hanya mencatatkan peningkatan sebanyak +0.4%. Pada masa yang sama, Amerika Syarikat telah berkembang lebih pesat dimana S&P500 dan NASDAQ Composite masing-masing mencatatkan kenaikan sebanyak +23.3% dan +28.6%. Oleh kerana MSCI ACWI Islamic mempunyai komponen indeks yang rendah dalam sektor Teknologi Maklumat serta sektor Perkhidmatan Komunikasi, keseluruhan MSCI ACWI Islamic telah mencatatkan kenaikan sederhana berbanding pasaran saham Amerika Syarikat yang mempunyai tujuh (7) syarikat mega ("Magnificent 7"). Pasaran saham di negara maju yang lain juga berkembang terutamanya German (DAX, +18.9%), Jepun (TOPIX, +17.7%) dan Eropah (STOXX 50, +8.3%). Di samping itu, pasaran saham di negara membangun seperti Taiwan yang mempunyai komponen indeks yang tinggi dalam sektor Teknologi Maklumat turut mendapat manfaat daripada sentimen positif (TWSE,

+28.5%), manakala Korea merudum (KOSPI, -9.6%) disebabkan keadaan politik yang tidak stabil. Pada hujung bulan September 2024, pasaran China bertukar kukuh dengan pengumuman stimulus beransur oleh kerajaan China. Berikutan pengumuman rangsangan tersebut, pasaran saham China (SHCOMP) berjaya mencatatkan peningkatan sebanyak +12.7% dalam tempoh tinjauan.

Bagi pasaran di rantau ASEAN, Singapura telah mencatatkan kenaikan yang tertinggi (STI, +16.9%), diikuti oleh Malaysia (FBMKLCL, +13.0%) dan Filipina (PCOMP, +1.2%). Pengukuhan sektor Teknologi Maklumat di pasaran saham negara maju, serta kekuatan nilai mata wang Amerika Syarikat, telah mendorong aliran dana pelaburan keluar daripada pasaran saham negara membangun. Ini memberikan kesan negatif kepada pasaran di negara-negara seperti Mexico (INMEX, -12.4%) dan Brazil (IBOVESPA, -10.4%).

Sektor yang mencatatkan pulangan yang paling memberangsangkan adalah sektor Teknologi Maklumat (ACWI IT, +30.8%) dan sektor Perkhidmatan Komunikasi (ACWI Communication Services, +30.2%), didorong oleh sentimen positif terhadap AI. Sebaliknya, sektor Tenaga dan sektor Bahan Asas, masing-masing mencatatkan penurunan sebanyak -1.4% dan -10.0%. Penurunan ini disebabkan oleh permintaan yang lemah dari China, yang menyebabkan inventori kekal tinggi pada pihak pembekal.

Walaupun secara dasarnya pasaran saham antarabangsa nampak positif, kadar pulangan masih lagi tertumpu kepada dua sektor utama iaitu sektor Teknologi Maklumat dan sektor Perkhidmatan Komunikasi untuk dua tahun berturut-turut. Magnificent 7 yang mendominasi pasaran saham utama Amerika Syarikat, telah menghasilkan 53% daripada hasil pulangan S&P 500 di Amerika Syarikat. Jika dikeluarkan 7 syarikat tersebut, hasil pulangan pasaran S&P 500 hanyalah +12.1%. Fenomena ini adalah unik dan agak mencabar bagi para pelabur untuk mengimbangi risiko pulangan serta mempelbagaikan pegangan dalam sektor-sektor lain.

Keluaran Dalam Negara Kasar ("KDNK") dunia untuk tahun 2024 dijangka akan berkembang sebanyak +3.2% oleh Tabung Kewangan Antarabangsa ("International Monetary Fund, IMF") dalam unjurannya pada Oktober 2024, ini merupakan perkembangan yang stabil jika dibandingkan dengan catatan +3.3% yang direkodkan pada tahun 2023. IMF telah beberapa kali menukar unjuran pertumbuhan ekonomi dunia ekoran daya tahan pasaran buruh Amerika Syarikat yang diluar jangkaan. Majoriti hasil pertumbuhan ekonomi dunia disumbang oleh pertumbuhan ekonomi Amerika Syarikat, ekoran struktur ekonomi Amerika Syarikat yang utuh dan kurang terkesan secara langsung terhadap peningkatan kadar dasar monetari yang agresif. Penggunaan di Amerika Syarikat juga masih mempunyai lebihan simpanan untuk tahun 2023 yang digunakan sepanjang tahun 2024, ekoran suntikan fiskal agresif yang dilakukan oleh kerajaan Amerika Syarikat ketika gejala COVID-19 melanda. Situasi ini juga terus menyokong perkembangan ekonomi Amerika Syarikat yang agak baik berbanding negara-negara maju lain seperti di EU.

Nilai mata wang Ringgit Malaysia telah meningkat sebanyak +2.7% untuk ditutup pada paras RM4.4722/USD pada 31 Disember 2024 berbanding RM4.5940/USD pada 29 Disember 2023. Dalam tempoh tinjauan, Ringgit Malaysia telah didagangkan pada paras terendah iaitu RM4.7987/USD pada 20 Februari 2024, manakala paras tertinggi adalah RM4.1235/USD pada 30 September 2024. Ringgit Malaysia telah muncul sebagai antara mata wang yang mencatatkan prestasi terbaik di dunia yang telah dipacu oleh penurunan kadar faedah oleh Federal Reserve Board, serta agenda reformasi yang lebih kukuh untuk ekonomi negara Malaysia. Oleh kerana nilai pasaran Tabung dihitung berdasarkan Ringgit Malaysia,

pengukuhan nilai mata wang Ringgit Malaysia, secara langsung, telah menjejaskan NAB seunit Tabung.

### **3.5 ULASAN PASARAN WANG, SEKURITI BERPENDAPATAN TETAP DAN KADAR KEUNTUNGAN**

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024, Kadar Dasar Semalaman ("Overnight Policy Rate, OPR") telah dikekalkan oleh Bank Negara Malaysia ("BNM") pada aras 3.00%, sepanjang tahun kewangan, berteraskan dasar monetari yang kekal akomodatif terhadap pertumbuhan ekonomi. Pasaran pekerja yang baik dah kegiatan ekonomi yang kekal kukuh terus menyokong momentum pertumbuhan ekonomi yang positif. Kadar simpanan tetap Maybank 1 bulan turut turun 30 mata asas dari kadar 2.60% kepada 2.30%.

### **3.6 STRATEGI PELABURAN PADA MASA HADAPAN**

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025, Pengurus Pelaburan menjangkakan pasaran saham global akan lebih mencabar, dipengaruhi oleh lima (5) faktor utama: i) Polisi tarif barang dagangan oleh Amerika Syarikat, ii) Kestabilan politik negara-negara EU, iii) Kadar inflasi Amerika Syarikat yang akan menentukan kadar dasar monetari oleh Federal Reserve Board, iv) Kestabilan pasaran hartanah di China, dan v) Keberhasilan pulangan pelaburan dalam sektor AI.

IMF dalam laporan terbitan Oktober 2024, telah mengunjurkan kadar pertumbuhan ekonomi dunia sebanyak +3.2% bagi tahun 2024 dan tahun 2025. Ekonomi negara maju dijangka berkembang sebanyak 1.8% pada tahun 2024 dan tahun 2025, iaitu lebih tinggi berbanding 1.7% pada tahun 2023. Manakala, ekonomi negara-negara membangun dijangka berkembang sedikit perlahan, daripada 4.4% pada tahun 2023 kepada 4.2% pada tahun 2024 dan tahun 2025.

Kitaran pemotongan kadar faedah oleh bank-bank pusat antarabangsa dijangka akan berterusan pada tahun 2025. Ini adalah didorong oleh kadar inflasi global yang dilihat terkawal dan kadar pertumbuhan ekonomi yang kurang memberangsangkan terutamanya di EU dan China. Kadar dasar monetari Amerika Syarikat pula dijangka akan turut diturunkan namun bergantung pada kadar inflasi Amerika Syarikat, hasil polisi Presiden Donald Trump.

Oleh yang demikian, Pengurus Pelaburan akan terus memantau perkembangan ekonomi dan pasaran semasa dengan aktif serta sentiasa melakukan pelarasan terhadap strategi pelaburan Tabung berdasarkan prestasi pasaran global dengan sewajarnya. Perumpukan aset secara keseluruhan akan ditumpukan kepada ekuiti dan dilaksanakan secara aktif dengan menyasarkan pengagihan aset ekuiti pada kadar antara 85%-95% setelah mengambil kira faktor-faktor ekonomi global dan ekonomi domestik, serta kadar pulangan pasaran saham di seluruh dunia.

#### **i. Ekuiti**

Fokus pelaburan akan tertumpu kepada arah aliran mega yang dijangka terus mempengaruhi ekonomi dunia. Pengurus Pelaburan turut menjangkakan US Dolar ("USD") akan terus mengukuh berbanding mata wang utama lain, ekoran jangkakan penurunan kadar dasar monetari oleh Federal Reserve Board yang lebih rendah berbanding bank pusat di negara-negara lain. Oleh itu, strategi pelaburan Tabung akan bersifat lebih seimbang, dengan tumpuan kepada syarikat-syarikat yang beroperasi dalam pasaran saham Amerika Syarikat.

Sektor Teknologi Maklumat akan terus diberikan tumpuan oleh Tabung, ekoran jangkaan pembangunan serta penggunaan teknologi AI oleh perniagaan di seluruh dunia. Penggunaan AI ini dijangka akan membawa kepada pulangan atas pelaburan yang tinggi oleh syarikat-syarikat mega. Jika kadar pulangan yang mampu dicapai oleh syarikat-syarikat ini adalah setara dengan jangkaan para pelabur, prestasi saham syarikat-syarikat ini akan kekal positif. Oleh itu, syarikat semikonduktor dijangka akan mendapat manfaat hasil peningkatan daripada pesanan untuk menghasilkan mikrocip sepanjang tahun 2025 dan untuk tahun-tahun yang mendatang.

Bagi pasaran selain Amerika Syarikat, pendekatan pelaburan akan menggunakan strategi bawah-atas ("bottom-up approach") dalam pemilihan syarikat-syarikat untuk tujuan pelaburan. Pemilihan ini akan dilakukan secara selektif berdasarkan kekuatan asas dan jangkaan perolehan keuntungan setiap syarikat. Sebagai contoh, syarikat industri berat di EU yang terlibat dalam rantaian bekalan elektrik di Amerika Syarikat dijangka akan terus mencatatkan pertumbuhan keuntungan, seterusnya mencatatkan prestasi saham yang baik. Selain itu, syarikat-syarikat pengeluar bahan binaan seperti simen di EU juga berpotensi untuk mendapat manfaat sekiranya proses pembinaan semula Ukraine bermula, bergantung kepada gencatan senjata dalam konflik Ukraine - Rusia dalam tahun 2025.

Bagi pasaran Jepun, pelaburan Tabung akan difokuskan kepada sektor Barangan Asasi Pengguna yang dijangka akan mendapat manfaat daripada peningkatan kadar inflasi domestik. Kadar inflasi yang meningkat di Jepun, yang mendorong kenaikan kadar gaji pekerja, dijangka akan merangsang peningkatan dalam kadar perbelanjaan, seterusnya memberi manfaat kepada sektor tersebut.

Walaupun pasaran negara-negara membangun dijangka kurang menarik, Tabung akan terus memberi tumpuan kepada pasaran di India ekoran jangkaan pertumbuhan ekonomi yang kukuh, dan tidak terkesan daripada ancaman tarif dagangan. Sementara itu, prestasi pasaran negara-negara membangun secara keseluruhan sangat bergantung kepada kestabilan pasaran hartanah di China. Pemulihan pasaran hartanah di China dijangka hanya akan dicapai jika kerajaan China melaksanakan pakej rangsangan ekonomi secara besar-besaran yang terarah pada pasaran hartanah.

#### 4. PENYATA PENGURUS

Kepada Pemegang-pemegang Unit

##### **ASN EQUITY GLOBAL**

Kami, sebagai Pengarah kepada AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD, iaitu Pengurus kepada ASN EQUITY GLOBAL ("Unit Amanah"), dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Pengurus, penyata kewangan bagi Unit Amanah bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024, berserta dengan nota-nota yang dikepilkan padanya telah disediakan dengan wajar menurut Piawaian Laporan Kewangan Malaysia dan Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa, bagi memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Unit Amanah pada 31 Disember 2024, dan keputusan serta aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD selaku Pengurus kepada Unit Amanah, menurut resolusi para Pengarah bertarikh 13 Februari 2025.

**RAJA TAN SRI DATO' SERI ARSHAD BIN  
RAJA TUN UDA**  
Pengerusi

**DATO' ABDUL RAHMAN BIN AHMAD**  
Pengarah

Kuala Lumpur, Malaysia

13 Februari 2025

## 5. LAPORAN PEMEGANG AMANAH

Kepada Pemegang-pemegang Unit **ASN EQUITY GLOBAL** (“Tabung”)

Kami telah bertindak selaku Pemegang Amanah Tabung bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024, dan kami dengan ini mengesahkan bahawa pada pengetahuan kami, setelah melakukan segala pertanyaan yang munasabah, AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD telah melaksana dan mengurus Tabung dalam tahun penyata kewangan selaras dengan perkara berikut:

1. Had-had kuasa pelaburan yang diberikan kepada syarikat pengurusan mengikut Surat Ikatan, undang-undang sekuriti dan Garis Panduan Dana Unit Amanah;
2. Penilaian dan penentuan harga dibuat selaras dengan Surat Ikatan; dan
3. Sebarang penjadian dan perlucutan unit dilaksanakan adalah selaras dengan Surat Ikatan dan lain-lain peruntukan undang-undang berkaitan.

Untuk **AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD**

**ZAINUDIN BIN SUHAIMI**

Ketua Pegawai Eksekutif

Kuala Lumpur, Malaysia

13 Februari 2025



## 6. LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG UNIT ASN EQUITY GLOBAL

### Laporan Penyata Kewangan

Kami telah mengaudit penyata kewangan ASN EQUITY GLOBAL ("Unit Amanah"), yang mengandungi penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2024, penyata untung atau rugi, penyata pendapatan komprehensif dan penyata aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024, dan rumusan dasar-dasar perakaunan serta lain-lain nota keterangan yang dibentangkan pada muka surat 17 sehingga 44.

Pada pendapat kami, penyata kewangan tersebut telah disediakan dengan wajar menurut Piawaian Laporan Kewangan Malaysia (Malaysian Financial Reporting Standards - MFRS) dan Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa (International Financial Reporting Standards - IFRS) bagi memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Unit Amanah pada 31 Disember 2024 dan prestasi kewangannya serta aliran tunai bagi tempoh kewangan berakhir pada tarikh tersebut.

### Pendapat

Kami telah menjalankan audit kami menurut piawaian pengauditan berkenaan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut dihuraikan dengan lanjut dalam laporan kami di bawah seksyen Tanggungjawab Juruaudit untuk pengauditan Penyata Kewangan. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami.

### Tanggungjawab kebebasan dan lain-lain tanggungjawab etika

Kami bebas daripada Unit Amanah selaras dengan Undang-Undang Kecil (atas Etika Profesional, Kelakuan dan Amalan) Institut Akauntan Malaysia ("Undang-Undang Kecil") dan Kod Akauntan Etika Akauntan Profesional (termasuk Piawaian Kebebasan Antarabangsa) ("Kod IESBA"), dan kami telah memenuhi lain-lain tanggungjawab etika mengikut undang-undang kecil dan Kod IESBA.

### Maklumat selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya

Pengurus Unit Amanah adalah bertanggungjawab untuk lain-lain maklumat. Lain-lain maklumat tersebut merangkumi maklumat yang terkandung dalam Laporan Tahunan Unit Amanah tetapi tidak termasuk penyata kewangan dan laporan juruaudit yang dilampirkan.

Laporan tahunan ini dijangka tersedia kepada kami selepas tarikh laporan juruaudit ini.

Pendapat kami mengenai penyata kewangan tidak meliputi lain-lain maklumat dan kami tidak akan menyatakan sebarang bentuk jaminan ke atas kesimpulan mengenainya.

Sehubungan dengan audit kami terhadap penyata kewangan, tanggungjawab kami adalah untuk mempertimbangkan samada lain-lain maklumat tersebut secara materialnya tidak selaras dengan penyata kewangan atau pengetahuan diperolehi dari audit, atau sebaliknya menunjukkan kesilapan material yang ketara dengan membaca lain-lain maklumat yang dikenal pasti di atas apabila ia tersedia.

Apabila kami membaca laporan tahunan, sekiranya kami mendapati terdapat salah nyata yang ketara di dalamnya, kami perlu menyampaikan perkara itu kepada yang berkaitan dengan tadbir urus dan melaporkan fakta-fakta tersebut mengikut kesesuaian.

## **Tanggungjawab Pengurus dan Pemegang Amanah terhadap Penyata Kewangan**

Pengurus Unit Amanah adalah bertanggungjawab ke atas penyediaan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama berdasarkan Piawaian Laporan Kewangan Malaysia (Malaysian Financial Reporting Standards - MFRS) dan Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa (International Financial Reporting Standards - IFRS). Pengurus juga bertanggungjawab ke atas kawalan dalaman berkaitan penyediaan dan persembahan yang saksama penyata kewangan, yang bebas dari kesilapan yang material, samada disebabkan kesilapan atau pecah amanah. Pemegang Amanah adalah bertanggungjawab untuk memastikan Pengurus menyimpan rekod perakaunan dan lain-lain rekod yang diperlukan untuk persembahan penyata kewangan yang saksama.

Dalam menyediakan penyata kewangan Unit Amanah, Pengurus adalah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Unit Amanah untuk meneruskan sebagai usaha berterusan, menyatakan, yang mana berkenaan, perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan asas perakaunan usaha berterusan melainkan jika para Pengarah berhasrat untuk membubarkan Unit Amanah atau menamatkan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik selain berbuat demikian.

Pemegang Amanah bertanggungjawab untuk mengawasi proses pelaporan kewangan Amanah. Pemegang Amanah juga bertanggungjawab untuk memastikan bahawa Pengurus menyimpan perakaunan yang betul dan rekod lain yang diperlukan untuk membolehkan penyampaian penyata kewangan ini benar dan saksama.

## **Tanggungjawab Juruaudit untuk pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif kami adalah untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan Unit Amanah secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan yang munasabah adalah tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap ketara jika, secara individu atau dalam agregat, salah nyata ini dijangkakan akan mempengaruhi keputusan ekonomi yang diambil pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada audit mengikut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami menjalankan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional semasa menjalankan audit. Kami juga:

- Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata yang ketara dalam penyata kewangan Unit Amanah, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, reka bentuk dan melaksanakan prosedur audit yang responsif kepada risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata yang ketara akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada salah nyata akibat kesilapan memandangkan penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan sengaja, gambaran yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- Memperoleh pemahaman mengenai kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit bagi tujuan merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Unit Amanah.
- Menilai kesesuaian polisi-polisi perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan berkaitan pendedahan yang dibuat oleh Pengurus.

- Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian Pengurus menggunakan asas perakaunan usaha berterusan dan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujud ketidakpastian yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang boleh membuang keraguan ketara pada keupayaan Unit Amanah untuk terus sebagai satu usaha berterusan. Jika kami membuat kesimpulan bahawa wujud ketidakpastian, kami dikehendaki untuk menyatakannya dalam laporan juruaudit kami kepada pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Unit Amanah atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi untuk mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan kepada bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan yang akan berlaku pada masa akan datang boleh menyebabkan Unit Amanah untuk menghentikan terus usaha yang berterusan.
- Menilai pembentangan keseluruhan, struktur dan kandungan penyata kewangan Unit Amanah, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata kewangan berdasarkan asas urus niaga asas dan peristiwa dalam cara yang mencapai pembentangan saksama.

Kami berkomunikasi dengan Pengurus mengenai, antara perkara-perkara lain, skop yang dirancang dan masa untuk audit dan penemuan penting, termasuk sebarang kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa audit kami.

#### **Perkara-Perkara lain**

Laporan ini dibuat semata-mata untuk pemegang Unit Amanah, sebagai sebuah badan, dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain untuk kandungan laporan ini.

**Ernst & Young PLT**

202006000003 (LLP0022760-LCA) & AF 0039  
Akauntan Bertauliah

**Dato' Megat Iskandar Shah Bin Mohamad  
Nor**

No. 03083/07/2025 J  
Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur, Malaysia

13 Februari 2025

## 7. PENYATA KEWANGAN

### 7.1 PENYATA UNTUNG ATAU RUGI BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

	Nota	2024 RM	2023 RM
<b>PENDAPATAN</b>			
Pendapatan dari instrumen pasaran kewangan, sekuriti berpendapatan tetap dan lain-lain pendapatan		2,448,069	2,861,839
Pendapatan dividen		6,452,031	11,410,250
Keuntungan ternyata daripada penjualan pelaburan (FVTPL)		108,400,433	13,883,911
(Kerugian)/ keuntungan tidak ternyata daripada perubahan nilai saksama pelaburan (FVTPL)		(34,441,830)	121,546,927
Kerugian bersih daripada liabiliti derivatif (FVTPL)	8	(3,858,625)	(2,104,492)
Keuntungan bersih kadar tukaran asing		1,898,899	300,727
		<u>80,898,977</u>	<u>147,899,162</u>
<b>PERBELANJAAN</b>			
Yuran pengurus	4	5,849,518	7,624,661
Yuran pemegang amanah	5	467,961	609,973
Ganjaran juruaudit		22,500	28,800
Yuran ejen cukai		4,900	4,900
Perbelanjaan pentadbiran		5,103,065	6,959,016
		<u>11,447,944</u>	<u>15,227,350</u>
<b>PENDAPATAN BERSIH SEBELUM CUKAI</b>			
		69,451,033	132,671,812
<b>CUKAI</b>			
	6	-	-
<b>PENDAPATAN BERSIH SELEPAS CUKAI</b>			
		<u>69,451,033</u>	<u>132,671,812</u>
Pendapatan bersih selepas cukai terdiri daripada berikut:			
Ternyata		106,594,314	11,628,253
Tidak ternyata		(37,143,281)	121,043,559
		<u>69,451,033</u>	<u>132,671,812</u>

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**7.2 PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

	<b>2024</b>	<b>2023</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
<b>PENDAPATAN BERSIH SELEPAS CUKAI</b>	69,451,033	132,671,812
<b>JUMLAH PENDAPATAN KOMPREHENSIF BAGI TAHUN KEWANGAN</b>	<u>69,451,033</u>	<u>132,671,812</u>
Lain-lain pendapatan komprehensif terdiri daripada berikut:		
Ternyata	106,594,314	11,628,253
Tidak ternyata	<u>(37,143,281)</u>	<u>121,043,559</u>
	<u>69,451,033</u>	<u>132,671,812</u>

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

### 7.3 PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2024

	Nota	2024 RM	2023 RM
<b>ASET</b>			
Pelaburan pada nilai saksama melalui untung atau rugi (FVTPL)	7	526,865,082	651,425,757
Deposit dengan institusi kewangan	9	18,810,338	16,767,408
Pendapatan belum diterima	10	169,482	10,577,446
Jumlah terhutang daripada broker saham		-	15,231,240
Jumlah terhutang daripada PNB	11	2,980,590	2,277,740
Tunai di bank		51,432,415	20,153,811
<b>JUMLAH ASET</b>		<b>600,257,907</b>	<b>716,433,402</b>
<b>LIABILITI</b>			
Liabiliti derivatif (FVTPL)	8	3,204,820	503,368
Jumlah terhutang kepada pengurus		516,539	597,330
Jumlah terhutang kepada broker saham		-	7,957,213
Pelbagai pemiutang		141,723	10,319,509
Jumlah terhutang kepada PNB	11	1,555,760	22,298,250
<b>JUMLAH LIABILITI</b>		<b>5,418,842</b>	<b>41,675,670</b>
<b>NILAI ASET BERSIH UNIT AMANAH</b>		<b>594,839,065</b>	<b>674,757,732</b>
<b>EKUITI</b>			
Modal pemegang unit	12	548,121,955	697,491,655
Rizab-rizab lain		46,717,110	(22,733,923)
<b>JUMLAH EKUITI/NILAI ASET BERSIH UNTUK PEMEGANG UNIT</b>		<b>594,839,065</b>	<b>674,757,732</b>
<b>UNIT DALAM EDARAN</b>	12	<b>543,800,000</b>	<b>685,400,000</b>
<b>NILAI ASET BERSIH SEUNIT</b>		<b>1.0939</b>	<b>0.9845</b>

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**7.4 PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

	Modal	Rizab-rizab Lain		Jumlah Ekuiti RM
	Pemegang Unit RM	Ternyata RM	Tidak Ternyata RM	
<b>Pada 1 Januari 2023</b>	945,040,215	(90,700,926)	(64,704,809)	789,634,480
Penjadian unit untuk jualan	132,064,670	-	-	132,064,670
Pembatalan unit	(379,613,230)	-	-	(379,613,230)
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun semasa	-	11,628,253	121,043,559	-
<b>Pada 31 Disember 2023</b>	<b>697,491,655</b>	<b>(79,072,673)</b>	<b>56,338,750</b>	<b>674,757,732</b>
<b>Pada 1 Januari 2024</b>	697,491,655	(79,072,673)	56,338,750	674,757,732
Penjadian unit untuk jualan	250,099,730	-	-	250,099,730
Pembatalan unit	(399,469,430)	-	-	(399,469,430)
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun semasa	-	106,594,314	(37,143,281)	69,451,033
<b>Pada 31 Disember 2024</b>	<b>548,121,955</b>	<b>27,521,641</b>	<b>19,195,469</b>	<b>594,839,065</b>

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**7.5 PENYATA ALIRAN TUNAI  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

	<b>2024</b>	<b>2023</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI DAN PELABURAN</b>		
Perolehan daripada jualan pelaburan	2,892,744,967	2,833,948,774
Pembelian pelaburan	(2,688,108,838)	(2,646,273,020)
Pendapatan dari instrumen pasaran kewangan, sekuriti berpendapatan tetap dan lain-lain pendapatan	2,449,938	1,284,619
Dividen bersih diterima	6,288,074	11,339,845
Yuran pengurusan dibayar	(5,930,309)	(7,700,198)
Yuran pemegang amanah dibayar	(474,425)	(616,016)
Perbelanjaan pentadbiran dibayar	(5,162,185)	(6,955,598)
Tunai bersih dihasilkan daripada aktiviti operasi dan pelaburan	<u>201,807,222</u>	<u>185,028,406</u>
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN</b>		
Perolehan daripada penjadian unit	249,396,880	131,612,110
Tunai dibayar untuk pembatalan unit	(420,211,920)	(358,146,580)
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pembiayaan	<u>(170,815,040)</u>	<u>(226,534,470)</u>
<b>PENINGKATAN/(PENGURANGAN) BERSIH DALAM TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PERBEZAAN TUKARAN MATAWANG TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN</b>		
	30,992,182	(41,506,064)
<b>TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA PADA AKHIR TAHUN</b>		
	<u>70,242,753</u>	<u>36,921,219</u>
<b>TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI TERDIRI DARIPADA:</b>		
Tunai di bank	51,432,415	20,153,811
Deposit dengan institusi kewangan (Nota 9)	18,810,338	16,767,408
Tunai dan persamaan tunai	<u>70,242,753</u>	<u>36,921,219</u>

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.



## 7.6 NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2024

### 1. UNIT AMANAH, PENGURUS DAN KEGIATAN-KEGIATAN UTAMA

ASN EQUITY GLOBAL (berikutnya dirujuk sebagai "Unit Amanah") ditubuhkan selaras dengan pelaksanaan Surat Ikatan bertarikh 16 Jun 2021, di antara Pengurus, Amanah Saham Nasional Berhad ("ASNB"), Pemegang Amanah, AmanahRaya Trustees Berhad dan Pemegang Unit Berdaftar Unit Amanah.

Kegiatan utama Unit Amanah ialah melabur dalam "Pelaburan Dibenarkan" seperti yang didefinisikan di bawah Klausa 7 Surat Ikatan. "Pelaburan Dibenarkan" termasuk pelaburan jangka pendek dan ekuiti, saham atau debentur syarikat yang disenaraikan di mana-mana bursa saham atau mana-mana syarikat yang disyorkan oleh Pengurus dan dipersetujui oleh Pemegang Amanah. Unit Amanah ini mula beroperasi pada 1 September 2021 dan akan meneruskan operasinya sehingga ditamatkan oleh Pemegang Amanah seperti yang diperuntukkan di bawah Klausa 12 Surat Ikatan.

ASNB adalah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan dimiliki sepenuhnya oleh Permodalan Nasional Berhad ("PNB"). Kegiatan utama ASNB ialah mengurus unit amanah.

PNB ialah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia. Kegiatan utama PNB ialah membeli dan memegang saham untuk meningkatkan hak milik pegangan modal saham oleh masyarakat Bumiputera di dalam sektor korporat di Malaysia. PNB telah dilantik sebagai Pengurus Pelaburan bagi Unit Amanah di bawah Perjanjian Pengurusan Pelaburan bertarikh 1 Julai 2021.

Penyata kewangan ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah ASNB untuk diterbitkan menurut resolusi para Pengarah pada 13 Februari 2025.

### 2. ASAS PENYEDIAAN

Penyata kewangan beraudit Unit Amanah bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024, telah disediakan selaras dengan Malaysian Financial Reporting Standards ("MFRS") dan International Financial Reporting Standards ("IFRS").

#### (a) Piawaian yang diterbitkan tetapi belum berkuatkuasa

Piawaian, Pindaan dan Tafsiran Jawatankuasa Isu-isu ("IC") yang telah diterbitkan oleh Malaysian Accounting Standards Board ("MASB") tetapi belum berkuatkuasa pada tarikh kelulusan penyata kewangan ini adalah tidak berkaitan dengan Unit Amanah.

### 3. RUMUSAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN MATERIAL

#### (a) Instrumen kewangan

Aset dan liabiliti kewangan diiktiraf apabila Unit Amanah terlibat dalam kontrak instrumen.

Aset dan liabiliti kewangan dinilai pada nilai saksama. Kos transaksi daripada pengambilalihan atau penjualan aset dan liabiliti kewangan (selain daripada aset dan liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui untung rugi ("FVTPL")) ditambah atau ditolak daripada nilai saksama aset atau liabiliti kewangan tersebut, yang difikirkan

sesuai, pada permulaan ia diiktiraf. Kos transaksi daripada pengambilalihan atau penjualan aset dan liabiliti kewangan FVTPL diiktiraf dalam untung rugi.

**(b) Aset-aset kewangan**

Kesemua pembelian dan penjualan aset kewangan yang biasa adalah diiktiraf dan dinyahiktirafkan berdasarkan asas perniagaan. Pembelian atau penjualan yang biasa adalah pembelian dan penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang telah ditetapkan oleh peraturan atau amalan pasaran.

Aset kewangan yang diiktiraf akan dikira keseluruhannya pada kos dilunaskan atau nilai saksama, bergantung kepada pengkelasan aset tersebut.

**(i) Pengelasan aset kewangan**

Instrumen hutang yang memenuhi kriteria berikut akan diukur pada kos dilunaskan setelah ditolak kerugian rosotnilai (kecuali instrumen hutang yang ditetapkan pada nilai saksama melalui untung rugi pada permulaan pengiktirafan):

- Aset tersebut dipegang berdasarkan model perniagaan di mana aset dipegang untuk mendapatkan aliran tunai secara kontraktual.
- Terma-terma kontraktual instrumen tersebut akan menghasilkan pembayaran prinsipal dan faedah semata-mata atas baki prinsipal pada tarikh-tarikh tertentu.

Instrumen hutang yang tidak memenuhi kriteria di atas diklasifikasikan sebagai FVTPL atau nilai saksama melalui lain-lain pendapatan komprehensif ("FVTOCI") (lihat di bawah).

Instrumen ekuiti diklasifikasikan sebagai FVTPL atau FVTOCI, bergantung kepada objektif pelaburan.

**(ii) Aset kewangan pada nilai saksama melalui akaun untung rugi ("FVTPL")**

Pelaburan dalam instrumen ekuiti dikelaskan sebagai FVTPL melainkan Unit Amanah menandakan pelaburan tersebut bukan untuk jualbeli dan di permulaan pengiktirafan sebagai FVTOCI.

Aset kewangan dikira untuk jualbeli sekiranya:

- ianya diperolehi dengan tujuan utamanya untuk dijual dalam tempoh terdekat; atau
- pada permulaan pengiktirafan, ianya adalah sebahagian dari portfolio instrumen kewangan yang diurus secara keseluruhannya oleh Unit Amanah yang mana telah menunjukkan corak pengambilan untung jangka pendek; atau
- ianya adalah instrumen derivatif yang tidak ditandakan dan tidak berkesan sebagai instrumen perlindungan nilai atau sebagai jaminan kewangan.

Instrumen hutang yang tidak menepati ciri-ciri kos dilunaskan atau FVTOCI akan dikira sebagai FVTPL. Instrumen hutang yang menepati ciri-ciri kos dilunaskan tetapi telah ditandakan sebagai FVTPL akan dikira sebagai FVTPL. Instrumen hutang akan ditandakan sebagai FVTPL sekiranya penandaan tersebut akan menghilangkan atau mengurangkan perbezaan yang ketara dalam pengiraan atau penilaian aset atau liabiliti yang dilakukan ke atas

pelaburan tersebut. Unit Amanah telah menandakan aset kewangan yang dipegang untuk tujuan jualbeli sebagai FVTPL.

Instrumen hutang dikelaskan semula dari kos dilunaskan kepada FVTPL apabila model perniagaan telah berubah sehingga menyebabkan ciri-ciri kos dilunaskan tidak lagi dipenuhi. Pengelasan semula instrumen hutang yang ditandakan sebagai FVTPL adalah tidak dibenarkan.

Aset kewangan FVTPL dikira pada nilai saksama pada setiap penghujung tempoh pelaporan dengan sebarang untung atau rugi hasil dari penilaian semula diambil kira di dalam akaun untung rugi.

Pendapatan faedah atas instrumen hutang pada FVTPL termasuk dalam untung atau rugi bersih seperti yang dijelaskan di atas.

Pendapatan dividen dari pelaburan dalam instrumen ekuiti FVTPL dikira dalam akaun untung rugi apabila hak untuk menerima dividen telah dipastikan menurut MFRS 15 : Revenue from contract with customers dan dinyatakan berasingan dalam akaun untung atau rugi.

**(iii) Aset kewangan pada nilai saksama melalui lain-lain pendapatan komprehensif ("FVTOCI")**

Pada permulaan pengiktirafan, Unit Amanah diberi pilihan untuk membuat pemilihan yang tidak boleh ditarikbalik (berasaskan pada setiap instrumen) bagi menandakan pelaburan dalam instrumen ekuiti sebagai FVTOCI. Penandaan sebagai FVTOCI tidak dibenarkan sekiranya instrumen ekuiti tersebut dipegang bagi tujuan jualbeli. Unit Amanah telah menetapkan aset kewangan dengan objektif untuk pendapatan dividen yang diterima atau pelaburan jangka masa sederhana dan jangka panjang sebagai FVTOCI.

Instrumen hutang dengan matlamat untuk mencapai pengumpulan aliran tunai kontraktual dan penjualan aset kewangan ditetapkan sebagai FVTOCI.

Pelaburan dalam instrumen ekuiti pada FVTOCI pada permulaannya diukur pada nilai saksama ditambah kos transaksi. Berikutnya, ianya diukur pada nilai saksama dengan keuntungan dan kerugian hasil dari perubahan nilai saksama dikira dalam lain-lain pendapatan komprehensif dan dikumpul di dalam rizab penilaian pelaburan. Keuntungan atau kerugian terkumpul tidak akan dikelaskan semula pada untung rugi atas penjualan pelaburan tersebut.

Keuntungan atau kerugian terkumpul dalam pelaburan ekuiti tidak akan dikelaskan semula kepada untung atau rugi atas penjualan pelaburan. Walau bagaimanapun, keuntungan atau kerugian terkumpul bagi instrumen hutang akan dikelaskan semula kepada untung atau rugi atas penjualan pelaburan.

**(iv) Rosotnilai dalam aset kewangan**

Kerugian kredit diiktiraf berdasarkan model "Expected Credit Loss" ("ECL"). Unit Amanah mengiktiraf elauan kerugian untuk ECL pada instrumen kewangan yang tidak diukur pada FVTPL (aset kewangan yang merupakan instrumen hutang). Model rosotnilai ini tidak digunakan untuk pelaburan ekuiti.

ECL adalah anggaran kebarangkalian kerugian kredit. ECL diukur seperti berikut:

- Aset kewangan yang tidak rosot kredit pada tarikh pelaporan:  
Nilai semasa tunai mengalami kekurangan (iaitu perbezaan antara aliran tunai yang disebabkan oleh entiti mengikut kontrak dan aliran tunai yang dijangka diterima oleh Unit Amanah);
- Aset kewangan yang rosot kredit pada tarikh pelaporan:  
Perbezaan di antara jumlah bawaan kasar dan nilai semasa bagi anggaran aliran tunai masa hadapan.  
Pada setiap tarikh pelaporan, Unit Amanah akan menilai sama ada aset kewangan yang dibawa pada kos yang dilunaskan telah merosot kredit. Aset kewangan adalah 'rosot kredit' apabila satu atau lebih peristiwa yang menjejaskan anggaran aliran tunai masa depan aset kewangan telah berlaku.

Bukti yang menunjukkan aset kewangan telah mengalami rosot kredit merangkumi data yang boleh diperhatikan seperti berikut :

- Pengeluar atau rakan niaga mengalami masalah kewangan yang ketara
- Instrumen mengalami penurunan nilai penarafan kredit yang ketara dari agensi penarafan
- Perlanggaran kontrak seperti ingkar dan lewat tempoh; atau
- Ketiadaan pasaran aktif bagi sekuriti disebabkan oleh masalah kewangan

**(v) Penyahiktirafan aset kewangan**

Unit Amanah menyahiktirafkan aset kewangan hanya apabila hak atas aliran tunai dari aset tersebut berakhir, atau apabila Unit Amanah memindahkan aset kewangan dan segala risiko dan pulangan pemilikan aset tersebut kepada entiti lain.

Sekiranya Unit Amanah tidak memindahkan dan tidak juga mengekalkan semua risiko dan pulangan pemilikan tetapi masih menguasai aset yang telah dipindahkan tersebut, Unit Amanah hendaklah mengambil kira kepentingan dalam aset tersebut dan liabiliti yang perlu dibayar olehnya. Sekiranya Unit Amanah mengekalkan sebahagian besar risiko dan pulangan pemilikan, Unit Amanah akan terus mengiktiraf aset tersebut dan juga pinjaman bercagar bagi hasil yang diterima.

Bagi penyahiktirafan aset kewangan pada kos dilunaskan, perbezaan di antara nilai dibawa dan jumlah yang diterima akan diambil kira dalam akaun untung rugi.

Bagi penyahiktirafan aset kewangan pada FVTOCI, keuntungan atau kerugian terkumpul dalam rizab penilaian pelaburan tidak dikelaskan kembali ke akaun untung rugi tetapi dikelaskan ke rizab bolehagih ternyata.

Pada penyahiktirafan aset kewangan pada FVTPL, keuntungan atau kerugian tak ternyata kumulatif dipindahkan ke akaun untung rugi semasa pelupusan.

**(c) Liabiliti kewangan dan instrumen ekuiti**

**(i) Pengelasan sebagai hutang atau ekuiti**

Instrumen hutang atau ekuiti yang dikeluarkan oleh Unit Amanah dikelaskan sama ada sebagai liabiliti kewangan atau ekuiti bergantung kepada asas perjanjian dan definisi liabiliti kewangan dan instrumen ekuiti.

**(ii) Liabiliti kewangan**

Dalam skop MFRS 9, liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan hanya apabila Unit Amanah menjadi pihak kepada kontrak instrumen kewangan.

Liabiliti kewangan Unit Amanah termasuk lain-lain pemiutang diiktiraf pada mulanya pada nilai saksama ditambah kos transaksi secara langsung dan seterusnya diiktiraf pada kos lunasan menggunakan kaedah kadar faedah berkesan.

**(iii) Penyahiktirafan liabiliti kewangan**

Unit Amanah menyahiktirafkan liabiliti kewangan hanya apabila tanggungan atau kewajipannya dilepaskan, dibatalkan atau tamat tempoh. Perbezaan di antara nilai dibawa liabiliti kewangan dan jumlah yang dibayar, termasuk sebarang aset bukan tunai yang dipindahmilik atau liabiliti diambilalih, diambil kira dalam akaun untung atau rugi.

**(iv) Modal pemegang unit**

Modal pemegang unit kepada Unit Amanah menepati tafsiran instrumen 'puttable' yang dikelaskan sebagai instrumen ekuiti mengikut pindaan MFRS 132 Financial Instruments: Presentation.

Pengimbangan pengagihan mewakili purata jumlah yang boleh diagih yang termasuk dalam harga penjadian dan pembatalan unit. Jumlah tersebut dipulangkan kepada pemegang unit sama ada melalui pengagihan dan/atau dipinda dengan sepenuhnya apabila unit dibatalkan.

**(d) Pengiktirafan pendapatan**

Pendapatan dividen kasar daripada pelaburan disebut harga dan REITs diambil kira mengikut asas pengisytiharan, apabila hak untuk menerima dividen telah dipastikan.

Keuntungan ternyata daripada jualan pelaburan diambil kira berdasarkan perbezaan di antara pendapatan bersih dengan nilai dibawa oleh pelaburan tersebut.

Pendapatan daripada pelaburan pada kos terlunas diakru berdasarkan kaedah kadar faedah berkesan / kadar keuntungan berkesan.

**(e) Mata wang asing**

Mata wang fungsian dan pelaporan

Perkara berkaitan mata wang asing yang terkandung di dalam penyata kewangan Unit Amanah adalah diukur dengan menggunakan mata wang persekitaran ekonomi utama di mana Unit Amanah beroperasi ("mata wang fungsian").

Pengurus membuat pertimbangan yang teliti bagi menentukan mata wang fungsian yang menggambarkan kesan ekonomi sewajarnya terhadap transaksi asas

berdasarkan keadaan dan peristiwa, telah menentukan RM sebagai mata wang fungsian terutamanya disebabkan oleh faktor-faktor berikut:

- (i) Unit-unit bagi Unit Amanah didenominasi dalam RM
- (ii) Sebahagian besar perbelanjaan Unit Amanah didenominasi dalam RM

Disebabkan itu, penyata kewangan Unit Amanah disediakan dalam RM iaitu mata wang fungsian dan presentasi Unit Amanah.

#### Transaksi dan imbalan

Transaksi mata wang asing ditukarkan kepada mata wang fungsian dengan menggunakan kadar tukaran semasa pada tarikh transaksi atau valuasi di mana urusan akan dinilai semula. Keuntungan dan kerugian tukaran asing terhasil dari penyelesaian sesuatu transaksi dan dari perubahan kadar tukaran bagi aset dan liabiliti kewangan pada akhir tahun diiktiraf di dalam Penyata Untung atau Rugi.

Perkara bukan kewangan diukur pada nilai saksama di dalam mata wang asing adalah ditukarkan berdasarkan kadar tukaran pada tarikh di mana nilai saksama ditentukan. Keuntungan atau kerugian yang terhasil daripada pertukaran perkara-perkara bukan kewangan yang diukur pada nilai saksama akan diambilkira sama seperti pengiktirafan keuntungan dan kerugian daripada perubahan nilai saksama sesuatu perkara (i.e perbezaan pertukaran bagi perkara-perkara yang keuntungan dan kerugian pada nilai saksama diiktiraf di dalam pendapatan komprehensif ("OCI") atau penyata untung atau rugi, masing-masing juga turut diiktiraf di dalam OCI atau penyata untung atau rugi).

#### **(f) Tunai dan persamaan tunai**

Dalam penyediaan penyata aliran tunai, tunai dan persamaan tunai adalah termasuk tunai di bank dan instrumen kecairan tinggi, yang tidak membawa risiko yang ketara kepada perubahan nilai.

#### **(g) Cukai pendapatan**

Aset dan liabiliti cukai semasa diukur pada jumlah yang dijangka akan dikutip semula daripada atau dibayar kepada pihak berkuasa cukai. Kadar dan undang-undang cukai yang digunakan untuk mengira jumlah adalah yang telah digubal atau sebahagian besarnya digubal pada tarikh laporan.

Cukai semasa diiktiraf dalam untung atau rugi kecuali setakat mana cukai yang berkaitan dengan perkara yang diiktiraf di luar daripada keuntungan atau kerugian, sama ada dalam lain-lain pendapatan komprehensif atau terus ke ekuiti.

Tiada cukai tertunggak yang diiktiraf memandangkan tiada perbezaan yang ketara.

#### **(h) Pengukuran nilai saksama**

Instrumen kewangan dikira pada nilai saksama pada setiap tarikh laporan.

Nilai saksama adalah harga yang diterima untuk menjual aset atau bayaran untuk memindahkan liabiliti dalam urusan niaga yang teratur antara peserta pasaran pada tarikh pengukuran. Pengukuran nilai saksama adalah berdasarkan kepada anggapan bahawa transaksi untuk menjual atau memindahkan liabiliti berlaku sama ada:

- Dalam pasaran utama bagi aset atau liabiliti, atau
- Sekiranya ketiadaan pasaran utama, dalam pasaran yang paling berfaedah bagi aset atau liabiliti.

Pasaran yang paling utama atau berfaedah mesti boleh diakses oleh Unit Amanah. Nilai saksama bagi aset atau liabiliti dikira dengan mengambil andaian bahawa semua pihak yang terlibat akan mengambil tindakan terbaik apabila menilai aset atau liabiliti masing-masing.

Unit Amanah menggunakan teknik penilaian yang sesuai dengan keadaan dan maklumat yang mencukupi untuk mengukur nilai saksama, memaksimumkan penggunaan input yang boleh diperhatikan dan meminimumkan penggunaan input yang tidak boleh diperhatikan.

Semua aset yang mana nilai saksama diukur atau dinyatakan di dalam penyata kewangan dikategorikan dalam turutan nilai saksama, seperti berikut, berdasarkan input paras terendah yang penting kepada ukuran nilai saksama secara keseluruhan:

- Aras 1: Harga tak terlaras disebut harga dalam pasaran aktif bagi aset dan liabiliti atau serupa.
- Aras 2: Input yang berdasarkan maklumat yang boleh dilihat di pasaran, sama ada secara langsung atau tidak langsung.
- Aras 3: Input yang tidak berdasarkan maklumat yang boleh dilihat di pasaran.

Bagi aset yang diiktiraf di dalam penyata kewangan secara berulang, Unit Amanah akan tentukan sama ada pemindahan berlaku antara aras dalam turutan dengan menilai semula pengkategorian (berdasarkan kepada input paras terendah yang penting kepada pengukuran nilai saksama secara keseluruhan) pada akhir setiap tempoh pelaporan.

**(i) Penilaian dan anggaran perakaunan yang material**

Penyediaan penyata kewangan Unit Amanah memerlukan Pengurus untuk membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada jumlah hasil, perbelanjaan, aset dan liabiliti dan pendedahan liabiliti luar jangka pada tarikh laporan. Walau bagaimanapun, ketidakpastian tentang andaian dan anggaran ini boleh menyebabkan keputusan yang mana memerlukan pelarasan ketara kepada jumlah dibawa oleh aset atau liabiliti pada masa akan datang.

Tiada pertimbangan utama telah dibuat oleh Pengurus dalam menggunakan pakai dasar-dasar perakaunan Unit Amanah. Tiada terdapat andaian utama mengenai masa depan dan lain - lain sumber utama ketidakpastian anggaran pada tarikh laporan ini, yang mempunyai risiko penting menyebabkan pelarasan penting kepada jumlah dibawa aset dan liabiliti dalam tahun kewangan akan datang.

#### 4. YURAN PENGURUS

Klausu 13.1 Surat Ikatan memperuntukkan bahawa Pengurus berhak menerima yuran tidak melebihi 1.50% setahun daripada Nilai Aset Bersih ("NAB") boleh agih kepada pemegang-pemegang Unit Amanah, dikira dan diakru secara harian seperti yang dipersetujui oleh Pengurus dan Pemegang Amanah.

Yuran Pengurus yang dikenakan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024 ialah 1% (31 Disember 2023: 1%) setahun daripada NAB Unit Amanah.

#### 5. YURAN PEMEGANG AMANAH

Klausu 13.2 Surat Ikatan memperuntukkan bahawa Pemegang Amanah berhak menerima yuran pada kadar yang dipersetujui oleh Pengurus dan Pemegang Amanah dari semasa ke semasa. Telah dipersetujui bahawa yuran Pemegang Amanah akan dikenakan sebanyak 0.08% setahun daripada NAB Unit Amanah, dikira dan diakru secara harian.

Yuran Pemegang Amanah yang dikenakan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024 ialah RM467,961 (31 Disember 2023: RM609,973).

#### 6. CUKAI

Unit Amanah telah diberikan pengecualian daripada cukai pendapatan oleh Menteri Kewangan mengikut bidangkuasa yang diberikan kepadanya di bawah Seksyen 127(3A) Akta Cukai Pendapatan, 1967 sehingga tahun taksiran 2026 kecuali pendapatan dividen.

#### 7. PELABURAN PADA NILAI SAKSAMA MELALUI UNTUNG ATAU RUGI

		2024	2023
		RM	RM
<b>Pada kos:</b>			
Pelaburan disebut harga - dalam negara	(a)	-	1,938,509
Saham biasa		-	1,938,509
Pelaburan disebut harga - luar negara	(b)	507,667,117	595,847,452
Saham biasa		424,741,174	452,044,055
Saham keutamaan		6,192,501	-
Skim pelaburan kolektif		76,733,442	143,803,397
		<u>507,667,117</u>	<u>597,785,961</u>
<b>Pada nilai saksama:</b>			
Pelaburan disebut harga - dalam negara	(a)	-	1,950,720
Saham biasa		-	1,950,720
Pelaburan disebut harga - luar negara	(b)	526,865,082	649,475,037
Saham biasa		449,392,524	500,572,488
Saham keutamaan		6,080,908	-
Skim pelaburan kolektif		71,391,650	148,902,549
		<u>526,865,082</u>	<u>651,425,757</u>



(a) **Pelaburan disebut harga - Luar negara**

Pelaburan disebut harga - Luar negara pada 31 Disember 2024 adalah seperti berikut:

Syarikat	Unit	Kos RM	Nilai Saksama Atas Nilai Aset Bersih Pada	
			Nilai Saksama RM	31.12.2024 %
<b>Saham biasa</b>				
<b>Perancis</b>				
<b>Perindustrian</b>				
Schneider Electric SE	11,050	11,607,267	12,314,690	2.07
<b>Jerman</b>				
<b>Barangan Bukan Asasi Pengguna</b>				
SAP SE	14,000	14,231,616	15,304,395	2.57
<b>Indonesia</b>				
<b>Barangan Asasi Pengguna</b>				
Indofood CBP Sukses Makmur TBK PT	3,700,000	12,425,204	11,687,277	1.97
<b>Jepun</b>				
<b>Perkhidmatan Komunikasi</b>				
Nintendo Co Ltd	22,000	5,778,289	5,794,962	0.97
<b>Belanda</b>				
<b>Kewangan</b>				
Adyen NV	1,800	11,928,533	11,966,129	2.01
<b>Korea Selatan</b>				
<b>Teknologi Maklumat</b>				
SK Hynix Inc	21,000	11,501,574	11,086,292	1.86

Syarikat	Unit	Kos RM	Nilai Saksama Atas Nilai Aset Bersih Pada 31.12.2024	
			Nilai Saksama RM	%
<b>Saham biasa (samb.)</b>				
<b>Sepanyol</b>				
<b>Barangan Bukan Asasi Pengguna</b>				
Industria De Diseno Textil	24,500	5,886,978	5,626,292	0.95
<b>Taiwan</b>				
<b>Teknologi Maklumat</b>				
Delta Electronics Inc	100,000	5,834,619	5,867,699	0.99
Taiwan Semiconductor Manufacturing Co Ltd	163,750	21,006,529	23,992,993	4.03
	263,750	26,841,148	29,860,692	5.02
<b>United Kingdom</b>				
<b>Perindustrian</b>				
Ferguson Enterprises Inc	7,800	7,079,652	6,067,900	1.02
<b>Amerika Syarikat</b>				
<b>Perkhidmatan Komunikasi</b>				
Alphabet Inc	20,500	16,216,728	17,338,867	2.92
Meta Platforms Inc	5,000	11,675,485	13,080,386	2.20
	25,500	27,892,213	30,419,253	5.12
<b>Barangan Bukan Asasi Pengguna</b>				
Amazon.Com Inc	20,764	17,305,711	20,353,734	3.42
Nike Inc	30,000	10,872,065	10,142,879	1.71
Tesla Inc	7,300	10,108,640	13,171,900	2.21
	58,064	38,286,416	43,668,513	7.34
<b>Barangan Asasi Pengguna</b>				
Coca-Cola Co	55,000	15,818,379	15,299,881	2.57
Walmart Inc	43,750	16,148,865	17,661,292	2.97
	98,750	31,967,244	32,961,173	5.54

Syarikat	Unit	Kos RM	Nilai Saksama Atas Nilai Aset	
			Nilai Saksama RM	Bersih Pada 31.12.2024 %
<b>Saham biasa (samb.)</b>				
<b>Amerika Syarikat (samb.)</b>				
<b>Kewangan</b>				
Mastercard Inc	7,000	15,178,684	16,469,120	2.77
Visa Inc	8,900	12,110,924	12,567,483	2.11
	15,900	27,289,608	29,036,603	4.88
<b>Penjagaan Kesihatan</b>				
Boston Scientific Corp	47,500	16,493,986	18,956,518	3.19
Novo Nordisk A/S	23,000	9,010,434	8,839,822	1.49
	70,500	25,504,420	27,796,340	4.68
<b>Perindustrian</b>				
3M Co	30,000	17,259,005	17,303,346	2.91
Rockwell Automation Inc	9,500	12,544,203	12,130,728	2.04
	39,500	29,803,208	29,434,074	4.95
<b>Teknologi Maklumat</b>				
Adobe Inc	3,150	7,129,149	6,258,560	1.05
Broadcom Inc	16,700	13,039,279	17,299,003	2.91
Intuit Inc	3,552	10,965,370	9,974,577	1.68
Microsoft Corp	32,500	14,933,795	12,220,960	2.05
Micron Technology Inc	28,500	46,897,611	53,673,348	9.02
Nvidia Corp	34,650	19,373,864	20,790,415	3.50
Salesforce Inc	11,000	14,128,271	16,431,767	2.76
	130,052	126,467,339	136,648,630	22.97
<b>Bahan Asas</b>				
Air Products and Chemicals Inc	7,500	10,250,465	9,719,309	1.63
<b>Jumlah saham biasa</b>				
- luar negara	4,511,666	424,741,174	449,392,524	75.55

Syarikat	Unit	Kos RM	Nilai Saksama Atas Nilai Aset Nilai Bersih pada 31.12.2024	
			Saksama RM	%
<b>Saham Keutamaan</b>				
<b>Jerman</b>				
<b>Barangan Bukan Asasi Pengguna</b>				
Dr. Ing. Hc F.				
Porsche AG	22,500	6,192,501	6,080,908	1.02
<b>Jumlah saham keutamaan</b>				
- luar negara	22,500	6,192,501	6,080,908	1.02
<b>Skim pelaburan kolektif</b>				
<b>Jepun</b>				
Global X Japan				
Semiconductor ETF	120,000	6,304,044	6,029,026	1.01
<b>United Kingdom</b>				
Ishares MSCI USA				
Islamic Ucits ETF	32,500	11,254,170	10,716,574	1.80
<b>Amerika Syarikat</b>				
Invesco S&P Smallcap				
Momentum ETF	35,000	11,276,027	10,338,355	1.74
Ishares MSCI China ETF	55,000	12,466,959	11,515,458	1.94
SPDR S&P				
Homebuilders ETF	32,500	17,459,315	15,174,552	2.55
Vanguard Industrials ETF	15,500	17,972,927	17,617,685	2.96
	138,000	59,175,228	54,646,050	9.19
<b>Jumlah skim</b>				
pelaburan kolektif	290,500	76,733,442	71,391,650	12.00
<b>Jumlah pelaburan disebut</b>				
harga - luar negara	4,824,666	507,667,117	526,865,082	88.57

## 8. LIABILITI DERIVATIF FVTPL

Liabiliti derivatif pada 31 Disember 2024 adalah seperti butiran di bawah:

2024	Tarikh Matang	Amaun		Aset / (Liabiliti) RM
		Nosional RM	Nilai Saksama RM	
<b>Belian kontrak hadapan</b>				
Beli MYR 6,132,000 Jual USD 1,500,000	2.1.2025	6,132,000	5,562,413	(569,587)
Beli MYR 6,132,000 Jual USD 1,500,000	2.1.2025	6,132,000	5,562,413	(569,587)
Beli USD 1,500,000 Jual MYR 6,702,750	2.1.2025	6,702,750	6,701,544	(1,206)
Beli USD 1,500,000 Jual MYR 6,702,750	2.1.2025	6,702,750	6,701,544	(1,206)
Beli MYR 4,146,700 Jual USD 1,000,000	6.1.2025	4,146,700	3,826,311	(320,389)
Beli MYR 2,105,100 Jual USD 500,000	8.1.2025	2,105,100	1,976,820	(128,280)
Beli MYR 4,204,700 Jual USD 1,000,000	8.1.2025	4,204,700	3,942,639	(262,061)
Beli MYR 4,267,400 Jual USD 1,000,000	10.1.2025	4,267,400	4,068,360	(199,040)
Beli MYR 4,272,200 Jual USD 1,000,000	16.1.2025	4,272,200	4,078,826	(193,374)
Beli MYR 2,149,800 Jual USD 500,000	24.1.2025	2,149,800	2,067,347	(82,453)
Beli MYR 10,871,750 Jual USD 2,500,000	7.2.2025	10,871,750	10,586,097	(285,653)
Beli MYR 10,871,750 Jual USD 2,500,000	7.2.2025	10,871,750	10,586,097	(285,653)

2024 (samb.)	Tarikh Matang	Amaun		
		Nosional RM	Nilai Saksama RM	Aset / (Liabiliti) RM
<b>Belian kontrak hadapan (samb.)</b>				
Beli MYR 10,871,750				
Jual USD 2,500,000	7.2.2025	10,871,750	10,586,097	(285,653)
Beli MYR 6,678,600				
Jual USD 1,500,000	2.4.2025	6,678,600	6,668,261	(10,339)
Beli MYR 6,678,600				
Jual USD 1,500,000	2.4.2025	6,678,600	6,668,261	(10,339)
		<u>92,787,850</u>	<u>89,583,030</u>	<u>(3,204,820)</u>

## 2023

### Belian kontrak hadapan

Beli MYR 17,998,000				
Jual USD 4,000,000	29.1.2024	17,998,000	18,330,271	(332,271)
Beli MYR 8,877,600				
Jual USD 2,000,000	2.2.2024	8,877,600	9,163,658	(286,058)
Beli MYR 9,026,400				
Jual USD 2,000,000	14.2.2024	9,026,400	9,158,309	(131,909)
Beli MYR 9,275,400				
Jual USD 2,000,000	29.2.2024	9,275,400	9,151,965	123,435
Beli MYR 9,275,400				
Jual USD 2,000,000	29.2.2024	9,275,400	9,151,965	123,435
		<u>54,452,800</u>	<u>54,956,168</u>	<u>(503,368)</u>

### Kerugian bersih daripada liabiliti derivatif FVTPL

	2024 RM	2023 RM
Kerugian ternyata daripada kontrak mata wang asing hadapan	(1,157,174)	(1,601,124)
Kerugian tidak ternyata nilai saksama daripada kontrak mata wang asing hadapan	(2,701,451)	(503,368)
	<u>(3,858,625)</u>	<u>(2,104,492)</u>

## 9. DEPOSIT DENGAN INSTITUSI KEWANGAN

	2024	2023
	RM	RM
<b>Pada kos:</b>		
Bank-bank berlesen	18,810,338	11,767,408
Lain-lain institusi kewangan	-	5,000,000
	<u>18,810,338</u>	<u>16,767,408</u>

Purata wajaran kadar faedah efektif ("PWKFE") tahunan dan purata kematangan bagi simpanan dengan institusi kewangan pada tarikh penyata kedudukan kewangan adalah seperti berikut:

	2024		2023	
	Purata Tempoh		Purata Tempoh	
	PWKFE (% p.a)	Matang (Hari)	PWKFE (% p.a)	Matang (Hari)
Bank-bank berlesen	3.87	6.00	3.43	2.00
Lain-lain institusi kewangan	-	-	3.50	3.00

Tiada deposit dengan institusi kewangan dengan tempoh matang lebih daripada 90 hari (31 Disember 2023: Tiada).

## 10. PENDAPATAN BELUM TERIMA

	2024	2023
	RM	RM
Pendapatan dari instrumen pasaran kewangan, sekuriti berpendapatan tetap dan lain-lain pendapatan	5,525	7,395
Dividen	163,957	432,760
Tunai belum terima dari kontrak tunai untuk penyelesaian dagangan	-	10,137,291
	<u>169,482</u>	<u>10,577,446</u>

## 11. JUMLAH TERHUTANG DARIPADA / KEPADA PNB

	2024	2023
	RM	RM
Jumlah terhutang daripada PNB terdiri daripada: Penjadian unit	<u>2,980,590</u>	<u>2,277,740</u>
Jumlah terhutang kepada PNB terdiri daripada: Pembatalan unit	<u>1,555,760</u>	<u>22,298,250</u>

## 12. MODAL PEMEGANG UNIT

	2024		2023	
	Unit	RM	Unit	RM
Pada awal tahun	685,400,000	697,491,655	953,800,000	945,040,215
Penjadian unit untuk - jualan	226,800,000	250,099,730	141,700,000	132,064,670
Pembatalan unit	(368,400,000)	(399,469,430)	(410,100,000)	(379,613,230)
	(141,600,000)	(149,369,700)	(268,400,000)	(247,548,560)
Pada akhir tahun	543,800,000	548,121,955	685,400,000	697,491,655

## 13. UNIT DIPEGANG OLEH PENGURUS DAN PNB

Sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024, Pengurus tidak memegang sebarang unit dalam Unit Amanah. Pada 31 Disember 2024, PNB secara sah memegang 743,104 unit (31 Disember 2023: 780,826 unit) merangkumi 0.14% (31 Disember 2023: 0.11%) daripada jumlah unit yang telah diterbitkan.

## 14. URUS NIAGA DENGAN SYARIKAT-SYARIKAT BROKER SAHAM/ BROKER/ DEALER/ INSTITUSI KEWANGAN

Sepuluh syarikat broker saham/ broker/ dealer/ institusi kewangan terbesar mengikut nilai urus niaga adalah seperti berikut:

Syarikat	Nilai Urus Niaga	Pecahan Jumlah Urus Niaga	Yuran Broker	Pecahan Jumlah Yuran Broker
	RM	%	RM	%
Jane Street US	683,383,372	12.43	1,073	0.03
CLSA Ltd	561,879,340	10.22	296,507	8.73
Flow Traders	439,312,198	7.99	-	-
Jefferies International GB	344,606,193	6.27	334,468	9.85
HSBC Securities Inc	299,101,333	5.44	278,072	8.19
Instinet Pacific Ltd HK	288,226,769	5.24	221,547	6.52
Macquarie Securities Ltd	266,644,037	4.85	248,446	7.32
UBS Securities LLC	256,962,682	4.67	164,538	4.85
Pictet Overseas Inc.	251,731,188	4.58	99,933	2.94
Daiwa Securities Co Ltd	250,234,221	4.55	237,101	6.98
Lain-lain	1,855,074,212	33.76	1,513,761	44.59
	5,497,155,545	100.00	3,395,446	100.00

ASNB tidak mempunyai pegangan ekuiti secara langsung di dalam syarikat-syarikat tersebut.

Segala urusan dengan syarikat-syarikat telah dilaksanakan menurut perjalanan biasa berdasarkan syarat-syarat dalam industri saham.



## 15. PUSING GANTI PORTFOLIO

	2024	2023
Pusing Ganti Portfolio ("PGP")	5.22 kali	3.40 kali

PGP adalah dikira berdasarkan pada nisbah purata jumlah kos pembelian dan penjualan pelaburan di dalam tempoh kewangan dengan purata NAB Unit Amanah untuk tempoh kewangan dikira berpandukan asas harian.

## 16. NISBAH PERBELANJAAN PENGURUSAN

	2024	2023
Nisbah Perbelanjaan Pengurusan ("NPP")	2.15%	1.88%

NPP adalah dikira berdasarkan nisbah di antara jumlah bayaran pengurusan dan perbelanjaan Unit Amanah yang dikembalikan dengan purata NAB Unit Amanah untuk tempoh kewangan dikira berpandukan asas harian.

## 17. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

### (a) Pengenalan

Unit Amanah ini terdedah kepada pelbagai risiko termasuk risiko pasaran, risiko kredit dan risiko kecairan. Walaupun risiko kewangan jenis ini adalah yang terpenting bagi setiap jenis instrumen kewangan, Pengurus dan Pemegang Amanah ingin menekankan bahawa senarai ini tidak bertujuan untuk membentuk satu senarai lengkap semua risiko yang wujud dalam pelaburan Unit Amanah. Objektif pengurusan risiko kewangan Unit Amanah adalah untuk mengurangkan kerugian modal.

### (b) Struktur pengurusan risiko dan aktiviti

Pengurus dan Pengurus Pelaburan bertanggungjawab untuk mengenal pasti, menilai dan mengawal risiko. Aktiviti pengurusan risiko adalah berdasarkan rangka kerja pengurusan syarikat. Jawatankuasa Pengurusan Risiko Lembaga Pengarah, Pengurus dan Pengurus Pelaburan bertanggungjawab terhadap pengurusan risiko keseluruhan Unit Amanah.

Pengurusan risiko kewangan dilaksanakan melalui kajian dasar, sistem kawalan dalaman dan pematuhan kepada kuasa pelaburan dan sekatan yang ditetapkan dalam Garis Panduan Tabung Unit Amanah Suruhanjaya Sekuriti di Malaysia dan garis panduan pelaburan unit amanah. Kajian semula strategi pelaburan termasuk analisis asas kepada ekonomi, sektor dan sekuriti dijalankan sebagai sebahagian daripada kawalan risiko kewangan Unit Amanah.

### (c) Risiko pasaran

Risiko pasaran merujuk kepada kemungkinan bahawa nilai pelaburan akan berkurangan akibat dari penurunan dalam pasaran kewangan yang disebabkan oleh faktor-faktor ekonomi, politik dan /atau lain-lain yang akan menjejaskan prestasi Unit Amanah.

Risiko pasaran tidak boleh dihapuskan tetapi peruntukan aset dan strategi kepelbagaian boleh mengurangkan risiko ini.

**(i) Risiko harga ekuiti**

Risiko ekuiti adalah risiko bahawa nilai saksama instrumen kewangan akan berubah-ubah disebabkan oleh perubahan dalam pembolehubah pasaran, iaitu harga ekuiti, kadar faedah, kadar pertukaran asing dan harga komoditi. Risiko pasaran diuruskan melalui kepelbagaian portfolio dan perubahan dalam peruntukan aset, dan tindak balas pantas kepada pelbagai faktor yang boleh menjejaskan Unit Amanah.

Risiko harga ekuiti boleh dikurangkan melalui analisa fundamental ke atas syarikat-syarikat dan pemantauan berterusan ke atas fundamental syarikat asas dan prestasi sahamnya.

Sensitiviti risiko harga ekuiti

Berikut adalah anggaran terbaik Pengurus atas kesan ke atas lain-lain pendapatan komprehensif bagi tempoh semasa disebabkan oleh perubahan munasabah dalam indeks ekuiti, dengan semua pemboleh ubah lain tidak berubah seperti dalam jadual di bawah:

Indeks pasaran	Perubahan pada harga ekuiti %	Kesan ke atas lain-lain pendapatan komprehensif tahun semasa
		Naik/ (turun) RM
<b>FTSE</b>		
<b>2024</b>		52,686,508/
Pelaburan dalam FVTPL	+10/-10	<u>(52,686,508)</u>
<b>2023</b>		65,142,576/
Pelaburan dalam FVTPL	+10/-10	<u>(65,142,576)</u>

Analisis sensitiviti di atas mengandaikan bahawa portfolio ekuiti bergerak sejajar dengan indeks di atas.

Risiko penumpuan harga ekuiti

Penumpuan harga ekuiti Unit Amanah dianalisa oleh instrumen ekuiti Unit Amanah mengikut sektor adalah seperti di Nota 7.

(ii) **Risiko kadar pendapatan**

Risiko kadar pendapatan merujuk kepada kesan perubahan kadar pendapatan ke atas penilaian instrumen berpendapatan tetap. Prestasi instrumen berpendapatan tetap mungkin terjejas sekiranya kadar pendapatan meningkat dengan ketara.

Bagi mengurangkan risiko kadar pendapatan, Pengurus perlu memantau portfolio instrumen berpendapatan tetap dengan menjalankan kajian yang kerap ke atas pergerakan kadar pendapatan, jangkaan pasaran dan menyesuaikan strategi portfolio sekiranya perlu, berdasarkan objektif Unit Amanah.

Sensitiviti risiko kadar pendapatan

Jadual berikut menunjukkan sensitiviti lain-lain pendapatan komprehensif Unit Amanah bagi tahun semasa ke atas perubahan yang munasabah dalam kadar pendapatan, dengan semua pemboleh ubah lain tidak berubah.

Sensitiviti adalah kesan perubahan yang diandaikan dalam kadar pendapatan pada:

- Lain-lain pendapatan komprehensif selama satu tahun, berdasarkan aset kewangan kadar terapan yang dipegang pada akhir tempoh pelaporan;
- Perubahan dalam nilai saksama pelaburan untuk tahun kewangan, berdasarkan penilaian semula aset kewangan kadar tetap pada akhir tempoh pelaporan.

	<b>Perubahan mata asas*</b>	<b>Sensitiviti perubahan dalam untung/(rugi) bagi tahun kewangan Naik/(turun) RM</b>
<b>2024</b>		
Deposit dengan institusi kewangan	+25/-25	47,026/ (47,026)
<b>2023</b>		
Deposit dengan institusi kewangan	+25/-25	41,919/ (41,919)

\* Pergerakan yang diandaikan dalam mata asas bagi analisa sensitiviti kadar pendapatan berdasarkan pemerhatian ke atas persekitaran semasa pasaran yang diawasi.

Jadual berikut menganalisa pendedahan risiko kadar pendapatan Unit Amanah. Aset dan liabiliti Unit Amanah diletakkan pada nilai saksama dan dikategorikan berdasarkan kepada penentuan semula harga kontraktual atau tarikh kematangan kontrak yang mana terdahulu.

	1 bulan hingga 3 bulan RM	3 bulan hingga 1 tahun RM	1 tahun hingga lebih 10 tahun RM	Tanpa pendapatan RM	Jumlah RM	Kadar pendapatan %
<b>2024</b>						
<b>Aset:</b>						
Pelaburan pada FVTPL	-	-	-	526,865,082	526,865,082	-
Deposit dengan institusi kewangan	18,810,338	-	-	-	18,810,338	3.87
Lain-lain aset	-	-	-	54,582,487	54,582,487	
Jumlah aset	<u>18,810,338</u>	<u>-</u>	<u>-</u>	<u>581,447,569</u>	<u>600,257,907</u>	
<b>Liabiliti:</b>						
Lain-lain liabiliti	-	-	-	5,418,842	5,418,842	
Jumlah Liabiliti	<u>-</u>	<u>-</u>	<u>-</u>	<u>5,418,842</u>	<u>5,418,842</u>	
Jumlah jurang sensitiviti faedah	<u>18,810,338</u>	<u>-</u>	<u>-</u>	<u>576,028,727</u>	<u>594,839,065</u>	
<b>2023</b>						
<b>Aset:</b>						
Pelaburan pada FVTPL	-	-	-	651,425,757	651,425,757	-
Deposit dengan institusi kewangan	16,767,408	-	-	-	16,767,408	3.45
Lain-lain aset	-	-	-	48,240,237	48,240,237	
Jumlah aset	<u>16,767,408</u>	<u>-</u>	<u>-</u>	<u>699,665,994</u>	<u>716,433,402</u>	
<b>Liabiliti:</b>						
Lain-lain liabiliti	-	-	-	41,675,670	41,675,670	
Jumlah Liabiliti	<u>-</u>	<u>-</u>	<u>-</u>	<u>41,675,670</u>	<u>41,675,670</u>	
Jumlah jurang sensitiviti faedah	<u>16,767,408</u>	<u>-</u>	<u>-</u>	<u>657,990,324</u>	<u>674,757,732</u>	

**(d) Risiko kredit**

Risiko kredit adalah berkaitan dengan kepercayaan kredit penerbit instrumen berpendapatan tetap dan jangkaan keupayaan mereka untuk membuat pembayaran pendapatan dan/atau prinsipal tepat pada masanya yang boleh menjejaskan prestasi portfolio instrumen berpendapatan tetap.

Risiko kredit diuruskan dengan memastikan Unit Amanah melabur dalam instrumen berpendapatan tetap yang diterbitkan oleh penerbit yang mempunyai asas yang kukuh dengan kepercayaan kredit yang baik dan sentiasa memantau keupayaan penerbit bagi memenuhi pembayaran hutang dan perjanjian kewangan.

### Pendedahan risiko kredit

Pada tarikh laporan, pendedahan maksimum Unit Amanah terhadap risiko kredit diwakili oleh jumlah dibawa setiap kelas aset kewangan yang diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan.

#### (e) Risiko mata wang

Risiko mata wang ialah risiko penurunan dan peningkatan nilai instrumen kewangan disebabkan oleh perubahan kadar pertukaran mata wang asing. Unit Amanah melabur dalam sekuriti patuh syariah dan pelaburan lain yang didominasi oleh mata wang selain mata wang fungsian. Justeru itu, nilai aset-aset Unit Amanah mungkin akan memihak secara menguntungkan atau sebaliknya disebabkan oleh peningkatan atau penurunan kadar mata wang yang tertakluk kepada risiko kadar pertukaran mata wang asing.

#### (f) Risiko kecairan

Risiko kecairan merujuk kepada kemudahan untuk mencairkan aset yang bergantung kepada jumlah aset yang diniagakan di pasaran. Jika Unit Amanah menyimpan aset yang tidak cair, prestasi Unit Amanah akan terjejas apabila ia perlu menjual aset pada harga yang kurang menguntungkan.

Risiko kecairan juga adalah apabila Unit Amanah menghadapi kesukaran dalam memenuhi pelucutan unit oleh pemegang unit.

Risiko kecairan boleh dikurangkan dengan menguruskan pegangan Unit Amanah dalam aset kurang cair melalui strategi perumpukan aset dan mengekalkan aset cair yang mencukupi untuk memenuhi pelucutan unit oleh pemegang unit.

Dasar Pengurus adalah untuk sentiasa mengekalkan aset cair secara berhemah dan pada tahap yang mencukupi untuk memenuhi keperluan operasi dan permintaan penebusan oleh pemegang unit. Aset cair terdiri daripada tunai, deposit dengan institusi kewangan dan lain-lain instrumen yang mampu ditukar menjadi wang tunai dalam tempoh 7 hari.

Jadual berikut meringkaskan profil kematangan liabiliti kewangan. Baki tertunggak dalam tempoh enam bulan sama ada dengan nilai yang dibawa kerana kesan pendiskaunan adalah tidak ketara.

Liabiliti Kewangan:	Kurang dari 1 bulan hingga		Jumlah
	1 bulan	1 tahun	
Lain-lain liabiliti	RM	RM	RM
<b>2024</b>	2,072,299	3,346,543	5,418,842
<b>2023</b>	30,852,793	10,822,877	41,675,670

**(g) Risiko penumpuan**

Risiko penumpuan adalah kebarangkalian kerugian yang timbul daripada kekurangan kepelbagaian, melabur terlalu besar dalam satu industri, satu lokasi geografi atau satu jenis sekuriti. Penumpuan yang berlebihan juga boleh mengakibatkan risiko kecairan atau risiko kerugian saham tertentu.

Risiko ini dapat dikurangkan dengan melabur ke dalam kelas aset dan sekuriti yang berbeza dalam pelbagai sektor atau lokasi geografi yang berbeza dalam had yang diluluskan. Ia juga boleh dikurangkan melalui pengawasan yang rapat kepada pelaburan yang mana pendedahannya adalah terlalu tertumpu.

**18. INSTRUMEN KEWANGAN DAN PENDEDAHAN BERKAITAN**

Nilai saksama

Kaedah dan andaian seperti berikut digunakan dalam anggaran nilai saksama bagi setiap kelas instrumen kewangan yang berikut:

**(i) Tunai dan persamaan tunai, jumlah terhutang daripada/ (kepada) broker saham/Pengurus dan pendapatan belum diterima/pelbagai pemiutang**

Nilai dibawa merupakan anggaran nilai saksama disebabkan oleh tempoh matang yang pendek bagi instrumen-instrumen kewangan ini.

**(ii) Pelaburan disebut harga**

Nilai saksama saham disebut harga, waran dan REITs ditentukan berdasarkan harga terakhir yang disebut di Bursa Malaysia dan Bloomberg untuk pelaburan luar negara pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

**(iii) Skim pelaburan kolektif**

Nilai saksama bagi skim pelaburan kolektif adalah berdasarkan kepada harga terbitan pembelian terakhir.

**(iv) Derivatif**

Nilai saksama liabiliti derivatif yang terdiri daripada kontrak mata wang asing hadapan adalah berdasarkan kadar mata wang asing pada tarikh laporan, yang dipetik oleh Bloomberg, berbanding dengan kadar mata wang hadapan yang dipersetujui dengan rakan niaga.

**19. TURUTAN NILAI SAKSAMA**

Unit Amanah menggunakan turutan berikut untuk menentukan nilai saksama semua instrumen kewangan yang dibawa pada nilai saksama:

Aras 1: Harga tak terlaras disebut harga dalam pasaran aktif bagi aset dan liabiliti atau serupa.

Aras 2: Input yang berdasarkan data yang boleh dilihat di pasaran, sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Aras 3: Input yang tidak berdasarkan data yang boleh dilihat di pasaran.

2024	Aras 1 RM	Aras 2 RM	Aras 3 RM	Jumlah RM
<b>Pelaburan pada nilai saksama melalui untung rugi (FVTPL)</b>				
Ekuiti disebut harga	455,473,432	-	-	455,473,432
Skim pelaburan kolektif	71,391,650	-	-	71,391,650
	<u>526,865,082</u>	-	-	<u>526,865,082</u>
<b>Liabiliti Derivatif (FVTPL)</b>				
Kontrak mata wang asing hadapan	-	3,204,820	-	3,204,820
	<u>-</u>	<u>3,204,820</u>	<u>-</u>	<u>3,204,820</u>

2023

**Pelaburan pada nilai saksama melalui untung rugi (FVTPL)**

Ekuiti disebut harga	502,523,208	-	-	502,523,208
Skim pelaburan kolektif	148,902,549	-	-	148,902,549
	<u>651,425,757</u>	-	-	<u>651,425,756</u>

**Liabiliti Derivatif (FVTPL)**

Kontrak mata wang asing hadapan	-	503,368	-	503,368
	<u>-</u>	<u>503,368</u>	<u>-</u>	<u>503,368</u>

Tiada pindahan dari Aras 1 dan Aras 2 dalam tahun kewangan semasa dan sebelumnya.

## 20. LAPORAN BERSEGMEN

Unit Amanah diuruskan secara satu bahagian iaitu pelaburan di dalam pelbagai instrumen kewangan. Aktiviti-aktiviti Unit Amanah adalah berhubung-kait dan setiap aktiviti adalah berkaitan dengan satu sama lain. Justeru, semua keputusan penting operasi adalah berdasarkan satu strategi pelaburan yang diintegrasikan dan prestasi Unit Amanah dinilai secara keseluruhan.

## 21. MATA WANG

Semua jumlah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia ("RM").

## 8. ALAMAT CAWANGAN ASNB

<b>WILAYAH PERSEKUTUAN</b>	
Kaunter Utama ASNB, Tingkat 1, Balai PNB, 201-A, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Unit No. A-G-R4, A-G-R5, A-G-R6 & A-G-R7, Block A, Bangunan Suasana PJH, Jalan Tun Abdul Razak, Presint 2, 62100 Putrajaya, Wilayah Persekutuan Putrajaya
<b>SELANGOR</b>	
Lot 18-1 & 18-2, Pusat Dagangan Shah Alam, Persiaran Damai, Seksyen 11, 40000 Shah Alam, Selangor	No. 7, Jalan Medan Niaga 2, Medan Niaga Kuala Selangor, 45000 Kuala Selangor, Selangor
<b>MELAKA</b>	
No. 11 & 13, Kompleks Perniagaan Al-Azim, Jalan KPAA 1, Bukit Baru, 75150 Melaka	<b>NEGERI SEMBILAN</b> No. 120 & 121, Jalan Dato' Bandar Tunggal, 70000 Seremban, Negeri Sembilan
<b>PERAK</b>	
No. 8 & 8A, Persiaran Greentown 1, Greentown Business Centre, 30450 Ipoh, Perak	No. 273, Jalan Intan 12, Bandar Baru Teluk Intan, 36000 Teluk Intan, Perak
<b>PAHANG</b>	
No. 71 & 73, Tingkat Bawah, Jalan Tun Ismail, 25000 Kuantan, Pahang	No. 8, Jalan Ahmad Shah, Bandar Seri Semantan, 28000 Temerloh, Pahang
<b>PULAU PINANG</b>	
A-12A-1 & A-12A-2, Lorong Bayan Indah 4, Bay Avenue, 11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang	No. 12, Jalan Todak 3, Pusat Bandar Seberang Jaya, 13700 Seberang Jaya, Pulau Pinang
<b>PERLIS</b>	
Lot 7, Jalan Indera Kayangan, 01000 Kangar, Perlis	Lot 1, 2 & 3, Tingkat Bawah dan Tingkat 1, Jalan Pejabat, Mukim Bandar, 20200 Kuala Terengganu, Terengganu  <i>Ahad - Khamis 8:15 a.m. - 4:00 p.m. (Kecuali Cuti Umum)</i>
<b>KEDAH</b>	
No. 27, Kompleks Shahab Perdana, Jalan Sultanah Sambungan, 05250 Alor Setar, Kedah	No. 51 dan 53, Jalan Perdana Heights 2/2, Perdana Heights, 08000 Sungai Petani, Kedah
<b>JOHOR</b>	
No. 9 & 9A dan No. 10 & 10A, Jalan Abdul Rahman, Bandar Penggaram, 83000 Batu Pahat, Johor	No. 12 & 14, Jalan Padi Emas 1/2, Uda Business Centre, 81200 Johor Bahru, Johor
No. 6 dan 7, Jalan Muhibbah, Taman Muhibbah, 85000 Segamat, Johor	



<b>KELANTAN</b>	
<p>Lot 1182 &amp; 1183, Jalan Kebun Sultan, 15350 Kota Bharu, Kelantan</p> <p style="text-align: center;"><i>Ahad - Khamis 8:15 a.m. - 4:00 p.m. (Kecuali Cuti Umum)</i></p>	<p>No. 52, 52A &amp; 52B, Jalan Pasir Puteh Sentral 2/5, 16800 Pasir Puteh, Kelantan</p> <p style="text-align: center;"><i>Ahad - Khamis 8:15 a.m. - 4:00 p.m. (Kecuali Cuti Umum)</i></p>
<b>SABAH</b>	
<p>Tingkat Bawah dan Satu, No. A-G-18 &amp; A-1-18, Blok A, Sutera Avenue, Jalan Coastal, 88100 Kota Kinabalu, Sabah</p>	<p>TB 4287 &amp; 4280, Tingkat Bawah &amp; Satu, Town Ext II, Jalan Masjid, Kompleks Fajar Tawau, 91000 Tawau, Sabah</p>
<p>Tingkat Bawah, Lot 1, Circular Blok A Harbour Town, Jalan Pantai, 91100 Lahad Datu, Sabah</p>	<p>Lot 8 &amp; 9, Blok B, Pusat Komersil Datun, Jalan Masak, 89008 Keningau, Sabah</p>
<p>Lot 15, Tingkat Bawah, Bandar Pasaraya, Fasa I, 90000 Sandakan, Sabah</p>	
<b>SARAWAK</b>	
<p>Tingkat Bawah, Lot 499, Al-Idrus Commercial Centre, Seksyen 6, Jalan Kulas, 93400 Kuching, Sarawak</p>	<p>Lot 1959, Tingkat Bawah Lot 1960 &amp; 1961, Marina Square Phase 2, Marina Park City, 98000 Miri, Sarawak</p>
<p>Sublot 2 &amp; 3, Lot 4496, Junction 28, Jalan Keppel, 97000 Bintulu, Sarawak</p>	<p>Lot 1457 &amp; 1458, Sg. Kudong Shophouse, Ground Floor, Jalan Buangsiol, 98700 Limbang, Sarawak</p>
<p>Lot 1922 &amp; 1923, Lorong 1, Jalan Kelab, 95000 Sri Aman, Sarawak</p>	<p>Lot 1007 &amp; 1008, Jalan Kampung Nyabor, 96000 Sibul, Sarawak</p>

## 9. MAKLUMAT KORPORAT

### **PENGURUS**

Amanah Saham Nasional Berhad

197901003200 (47457-V)

Anak syarikat milik penuh:

Permodalan Nasional Berhad

197801001190 (38218-X)

### **PEJABAT BERDAFTAR**

Tingkat 91, Menara Merdeka 118

Presint Merdeka 118

50118 Kuala Lumpur

### **PUSAT KHIDMAT PELANGGAN ASNB**

03-7730 8899

### **EMEL**

asnbcare@asnb.com.my

### **LAMAN WEB**

[www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my)

### **PORTAL**

[www.myasnb.com.my](http://www.myasnb.com.my)

### **MyASNB App**

### **PEMEGANG AMANAH**

AmanahRaya Trustees Berhad

200701008892 (766894-T)

### **PEJABAT BERDAFTAR**

Tingkat 34, Vista Tower, The Intermark

348, Jalan Tun Razak

50400 Kuala Lumpur

### **TELEFON**

03-2036 5129

### **EMEL**

[info@artrustees.com.my](mailto:info@artrustees.com.my)

### **LAMAN WEB**

[www.artrustees.my](http://www.artrustees.my)



